

## **PRAKATA**

E-book Kamar Rahsia ini adalah hasil maklumat dari himpunan buku-buku serta majalah-majalah popular dimasa kini. Ianya menerangkan segala rahsia-rahsia bagi kehidupan seharian kita.

Anda dibenarkan untuk mengedar e-book ini semula dengan syarat tiada sebarang bahagian didalam e-book ini diubahsuai tanpa kebenaran bertulis dari pihak penulis kecuali bagi tujuan ulasan.

Tanggungjawab maklumat didalam e-book tersebut tidak ada kena mengena dengan penulis. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang kesilapan ataupun maklumat yang tidak dimasukkan walaupun langkah penyemakan dan penelitian sudah diambil. Pihak kami juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang maklumat yang disalahgunakan.

Team SenjataLelaki.com juga tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kerugian, kehilangan, kesakitan atau risiko yang ditanggung oleh individu, kumpulan atau sebagainya, yang timbul akibat daripada penggunaan mana-mana isi kandungan ebook ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Akhir sekali pihak Team SenjataLelaki.com mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan yang telah diberikan oleh pihak anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau pun komen mengenai e-book ini, silalah tulis ataupun email kepada [SenjataLelaki@gmail.com](mailto:SenjataLelaki@gmail.com)

Ikhlas dari,

***Team SenjataLelaki.com***

## Rahsia Personaliti Diri

Personaliti yang wujud dalam diri kita adalah dalam bentuk yang dinamik, ia terus berkembang dan boleh berubah. Mengenal pasti personaliti diri adalah merupakan satu aset penting untuk kita mengenali dan mendalami diri sendiri. Dengan memahami personaliti yg terbentuk dlm diri kita maka lebih mudah kita menyesuaikan diri kita dengan persekitaran. Ada beberapa personaliti yang dirumuskan berdasarkan kajian dalam bidang psikologi.

### **a) Personaliti Periang**

Seseorang yang periang akan mudah bergaul dgn orang lain dan bagi mereka bertemu dan bergaul dengan org lain itu adalah sumber kepada kebahagiaan dlm hidup. Mereka biasanya:

- 1) Berasa selesa apabila berada dalam keramaian dan seronok bertemu dengan orang lain
- 2) Lebih mudah berhubung dengan dunia luar berbanding dgn dunia dlm diri mrk sendiri atau berfikir dengan idea sendiri
- 3) Lebih suka berbincang dengan org lain dlm mencapai keputusan berbanding membuat keputusan sendiri
- 4) Lebih banyak bercakap dari mendengar
- 5) Berkebolehan menganalisis situasi baru dengan mudah
- 6) Gemar dengan aktiviti keramaian seperti majlis makan, sukan, pesta dan lain-lain
- 7) Happy go lucky dan gemarkan muzik harmoni dan rancak

### **b) Personaliti Pendiam**

Bersifat:

- 1) Lebih suka menyendiri
- 2) Sanggup melakukan apa saja untuk menjayakan ssesuatu yang mereka sukai
- 3) Mudah merasa diketepikan dalam keramaian
4. Lebih suka memikir dan mencari penyelesaian untuk masalah yang dihadapi secara bersendirian
- 5) Menjadi pemerhati dan berfikir lama sebelum melibatkan diri dengan seseorang atau sesuatu
- 6) Seorg pendengar yang baik, kurang gemar dipuji dan tidak suka berbual atau mencampuri hal orang lain

### **c) Personaliti Perasa**

Bersifat:

- 1) Mahu jawapan yang pasti dan tepat
- 2) Suka kerja yang berperaturan dan kerja yang mempunyai pulangan yang banyak
- 3) Suka mengumpul banyak dan cukup maklumat sebelum bertindak
- 4) Mementingkan fakta dan bukan teori serta tiada masalah berhadapan dengan perkara remeh temeh
- 5) Lebih suka melakukan sesuatu dari hanya berfikir untuk melakukan sesuatu
- 6) Kurang mempunyai firasat

### **d) Peramal**

Sifatnya:

- 1) Gemar melakukan banyak perkara dalam satu masa
- 2) Selalu mempunyai jawapan yang sesuai untuk setiap persoalan dan bijak mengenalpasti peluang baru
- 3) Tidak suka melakukan kerja yang remeh temeh
- 4) Gemar belajar mengenai perkara yang baru tapi kurang menggunakan ilmu tersebut
- 5) Sering memberi jawapan berbentuk umum
- 6) Gemar kerja yang mencabar dan kurang gemar melakukan kerja yang sama sepanjang masa
- 7) Banyak persoalan yang ditimbulkan dalam perbincangan
- 8) Suka menguji kebolehan orang lain

### **e) Personaliti pemikir**

Bersifat:

- 1) Mudah mengingat nombor berbanding dengan wajah dan nama orang
- 2) Sering bertenang wpun dalam suasana yang menyebabkan orang lain panik
- 3) Yang penting dia mestilah benar setiap masa
- 4) Kadang-kadang kelihatan seperti orang yang keras hati dan mudah mengkritik
- 5) Baik dalam merancang sebarang kerja dan mengurus kerja peribadi
- 6) Suka melihat sesuatu dengan lebih mendalam sebelum membuat keputusan

## **f) Personaliti sensitif**

Bersifat:

- 1) Sering membayangkan diri mereka dalam situasi yang dialami oleh orang lain. Lebih mudah simpati dengan perasaan, kehendak dan kesukaan orang lain
- 2) Dalam membuat keputusan sering bertanya sendiri apa yang saya rasa dan apa yg orang lain rasa dan bukan apa yang betul
- 3) Suka menolong orang lain walaupun tahu mereka dipergunakan
- 4) Tidak gemar menyampaikan berita buruk kepada orang lain
- 5) Akan melakukan apa saja untuk tidak melukakan perasaan orang lain atau menimbulkan konflik dengan orang lain

## **Rahsia Sifat Lelaki Berdasarkan Pasangan Pilihan**

Sally Beck, seorang pensyarah Universiti Battler di Amerika telah membuat kajian pada tahun 1979. Mengikut kajiannya, seorang lelaki sebelum memilih pasangan akan memerhatikan semua aspek mengikut penilaian mereka sendiri. Sally Beck telah merumuskan peribadi lelaki berdasarkan pasangan pilihan mereka sendiri iaitu:

### **1) Wanita Gemuk**

Lelaki yang memilih wanita gemuk sebagai pasangan hidup pada kebiasaannya tidak mempunyai perasaan yang tetap. Mereka kurang memberi perhatian kepada penghasilan akademik dan perkara-perkara yang berkaitan kecantikan.

### **2) Wanita Bertubuh Sederhana**

Lelaki yang memilih wanita yang bertubuh sederhana adalah lelaki yang suka menikmati atau menghargai perasaan seseorang. Mereka juga mempunyai sikap tanggungjawab terhadap kemasyarakatan. Mereka juga tidak mementingkan kepentingan diri sendiri malah akan cuba sedaya upaya utk memuaskan perasaan pasangannya.

### **3) Wanita Kurus**

Lelaki yang memilih wanita bertubuh kurus merupakan lelaki yang tidak tetap pendirian pada peribadi dan kerjayanya.

### **4) Wanita Berbuah Dada Besar**

Lelaki yang memilih pasangan yang mempunyai saiz buah dada yang besar adalah lelaki yang mempunyai jiwa yang keras dan terlalu menginginkan kebebasan di dalam kehidupan.

### **5) Wanita Berbuah Dada Kecil**

Lelaki yang memilih wanita berbuah dada kecil ialah lelaki yang cenderung kepada perkara yang bertentangan. Mereka juga gemar mengambil mudah keperluan diri mereka. Selain dari itu, mereka tidak mempunyai pandangan yang bernas.

### **6) Wanita Berpunggung Besar**

Lelaki yang memilih wanita berpunggung besar adalah lelaki yang mempunyai gambaran yang lemah terhadap diri sendiri. Ini bermaksud mereka tidak mempunyai pendirian yang kukuh. Mereka juga gemar menolong orang di dalam kesusahan tetapi tidak mampu menolong diri sendiri.

## **7) Wanita Berbetis Besar**

Lelaki yang memilih wanita berbetis besar adalah lelaki yang suka menikmati kepada suasana yang tenang. Mereka juga mampu menjaga perasaan pasangan dengan baik. Selain itu, bijak menggunakan fikiran dan perasaan.

## **8) Wanita Berbetis Kecil**

Lelaki yang memilih wanita berbetis kecil adalah lelaki yang terlalu mementingkan kecantikan. Mereka tidak mampu menangani kesusahan dan sering berusaha menarik perhatian orang lain.

## **RAHSIA MENGENALI PASANGAN MELALUI TARIKH LAHIR**

Ketahui pasangan anda melalui TARIKH LAHIR ( BETUL ATAU KEBETULAN)

### **1) Tarikh Lahir pada 1, 9 & 24**

Pada umumnya pasangan ini bersifat pendiam & konservatif. Namun dengan orang-orang tertentu dia cepat mesra. Tapi pasangan yang lahir tarikh ini mudah terperasan. Kerana sifatnya itu menyebabkan ramai orang yang tidak menyukainya. Namun begitu dia tetap dikagumi kerana bersikap serius terutamanya yang berhubung dengan orang ramai. Dalam hal percintaan, dia sanggup berhabis semata-mata untuk memenuhi segala keinginan pasangannya. Tapi hati-hati kadangkala dia lebih mementingkan persahabatan daripada percintaan dan lebih rela memutuskan cintanya demi sebuah persahabatan yang telah terjalin lama.

### **2) Tarikh Lahir pada 2, 11 & 30**

Orangnya perasa dan mudah tersinggung. Sifatnya yang suka menyendiri membuatkan dia lebih suka tinggal di rumah. Ramai orang suka bergaul denganya kerana perwatakannya yang lembut & ramah. Dia paling benci jika cintanya ditolak atau dikhianati oleh orang yang benar-benar dicintainya. Namun begitu dia selalu bersikap sabar dan tidak terburu-buru dalam bertindak. Sayangnya untuk urusan masa depan dia bersikap pesimis sering mengalah sebelum mencuba. Oleh itu mesti ada yang mendorongnya agar tidak terus terjebak dengan sikap pesimisnya.

### **3) Tarikh Lahir pada 3, 18 & 29**

Sabar serta pandai menguasai diri adalah ciri yang khas bagi pasangan yang lahir pada tarikh ini. Tapi jangan cuba mempermain-mainkannya, dia akan mengamuk dengan hebat. Dia tergolong pasangan yang bijaksana dan bertanggungjawab. Sifat jujur & ramah adalah modal utamanya dalam bergaul. Tapi dalam soal cinta dia merupakan pasangan yang susah untuk di mengertikan.

### **4) Tarikh Lahir pada 4, & 13**

Pasangan yang lahir pada tarikh ini adalah seorang yang pandai, suka bergaul dan mudah berubah pendapat. Dia seringkali tidak yakin dengan diri sendiri. Dalam soal cinta, dia tergolong pasangan yang mata keranjang dan suka bertukar-tukar partner. Sifat ini membuatkan orang tidak suka apa lagi untuk bersimpati dengannya. Dia sering bersifat dingin kepada orang lain kerana menganggap orang lain merupakan faktor penyebab timbulnya masalah. Tapi dia memiliki sifat kelakar, mudah ketawa dan kadangkala bersikap keanakkanan.

### **5) Tarikh Lahir pada 5 & 17**

Yang lahir pada tarikh ini adalah seorang yang optimis, bercita-cita tinggi dan punya kecenderungan untuk berprestasi. Namun begitu dia adalah seorang yang berwatak keras dan apa yang diinginkan selalunya dipenuhi. Memandangkan sesuatu selalunya dari segi yang menguntungkan. Tapi sayangnya dia suka menganggap remeh pada orang lain. Dalam soal cinta, berhati-hatilah kerana dia suka bertukar-tukar pasangan.

### **6) Tarikh Lahir pada 6, 14 & 27**

Dia adalah seorang pasangan yang tidak mahu kalah dan pantang menyerah. Kejujuran dan keadilan merupakan sifat yang membuatkan dia disegani. Dalam soal cinta dia ingin memberi yang terbaik kepada orang yang dicintainya. Namun begitu harga dirinya terlalu tinggi sehingga dia tidak pernah mengerti mengapa seseorang itu menolak kebajikannya.

### **7) Tarikh Lahir pada 7, 28 & 31**

Dia adalah seorang yang bersifat terbuka berterus terang & jujur. Namun dia mudah sekali terpengaruh dan ingin mencapai sesuatu itu dengan cara mudah. Cinta baginya sering diertikan sebagai pengisi masa lapang. Semasa bercinta dia sangat berhati-hati dan suka sekali merayu dan kalau pasangannya curang dia dengan mudah meninggalkannya.

### **8) Tarikh Lahir pada 8 & 23**

Dia bersifat peramah dan mudah perasa. Kepada teman-teman dia bersifat lembut & bijaksana. Namun begitu dia tersisih dari teman-teman kerana rasa rendah diri yang terlalu menebal. Dia memerlukan suasana yang seimbang baik sewaktu berfikir mahupun dalam kehidupan seharian. Kelemahan yang paling menonjol ialah gugup dan selalu dihantui perasaan kawatir tetapi dia adalah seorang yang penjimat. Dalam urusan cinta, dia seorang yang tabah dan rela berkorban.

### **9) Tarikh Lahir pada 10, 16 & 21**

Suka bekerja keras, memiliki nafsu yang tinggi dalam usaha mencapai cita-citanya. Dalam pergaulan sehari-hari dia merupakan orang yang mudah tersinggung. Namun begitu dia seorang yang jujur & tabah dalam menghadapi persoalan. Soal cinta dia sangat setia dan sebab itulah dia mudah disenangi. Tapi dia seorang yang terlalu cemburu. Kalau baik dia sangat baik dan kalau jahat dia merupakan orang yang paling jahat.

### **10) Tarikh Lahir pada 12 & 19**

Orang yang lahir pada tarikh ini memiliki sifat suka dipuji. Dia berharap setiap orang akan menganggapnya sebagai juara. Pada dasarnya dia suka berdandan dan berpakaian rapi. Kerana itu dia sering membelanjakan wangnya untuk menunjukkan penampilannya. Dalam kehidupan sehari-hari dia adalah pasangan yang disegani kerana bakat kepimpinannya. Sifatnya yang bijaksana membuatkan dia disegani dalam pergaulan. Dalam urusan cinta, dia adalah pasangan yang sangat susah untuk dipercayai.

### **11) Tarikh Lahir pada 15, 20 & 26**

Jangan mengharapkan sifat romantis dari pasangan yang lahir pada tarikh ini. Dia tergolong dalam orang yang kurang serius, bersikap bodoh dalam menghadapi sesuatu. Namun begitu dia selalu bersikap penuh pengertian bila menghadapi sesuatu masalah. Dia sangat benci pada perkara-perkara yang berbau keributan terutama yang menimbulkan huru-hara. Dalam hal percintaan dia menuntut untuk lebih diberi perhatian tapi dia jarang mengambil berat pada pasangannya. Namun begitu sikapnya disenangi oleh kawan-kawan.

### **12) Tarikh Lahir pada 22 & 25**

Wataknya paling susah untuk dimengertikan. Kadangkala dia disukai kerana kebaikannya dan kadangkala dia dibenci kerana perbuatannya. Namun buat teman-teman dia merupakan orang penuh pengertian. Dalam pelbagai situasi dia lebih suka merendahkan diri jarang sekali mahu menonjolkan kelebihanannya pada orang lain. Pasangan jenis ini terkenal sebagai perayu dan sebab itulah dia diberi jolokan seniman asmara.

## Rahsia Di Sebalik Tulisan

Tiap manusia ini mempunyai corak tulisan yang berbeza-beza. Walaupun ada yang cuba untuk meniru tulisan orang lain, tapi jika diperhatikan sebaik mungkin pasti ada perbezaannya. Dipercayai, melalui tulisan juga kita boleh belajar mengenali diri seseorang. Wah! Ini sudah bagus kan? Tapi ada syaratnya. Alah, bukannya susah. Tapi tulisan yang hendak di'bacu' itu mestilah ditulis dalam keadaan tenang. Seandainya ia ditulis dalam mood yang tak tenteram dan tergesa-gesa, mungkin tulisan itu lebih kotor dan hodoh.. Itu tak boleh dikira kerana bentuk tulisan yang tergambar itu bersifat sementara saja.

### **[Tulisan berubah-ubah]**

Ada orang yang bentuk tulisannya tidak pernah berubah-ubah sejak dari dulu lagi. Ha..itu menandakan bahawa dia juga seorang yang sukar untuk berubah. Maknanya dia lebih suka mengekalkan personaliti dirinya yang sedia ada sejak dulu. Sebaliknya jika tulisannya sering berubah-ubah, bermakna dia sentiasa mengalami pembentukan dan pembangunan personaliti dirinya malah dia juga bersikap individual. Dari segi membuat sebarang keputusan, orang yang tulisannya tidak berubah sejak dulu lagi lebih tetap pendirian dan lebih tegas. Manakala mereka yang sering berubah corak tulisan mereka dikatakan lebih mudah untuk berubah fikiran. Bukan bermaksud mereka ini tidak berpendirian langsung tapi keputusan mereka itu masih boleh dipengaruhi oleh orang lain.

### **[Kecondongan tulisan]**

Tegak - Sekiranya tulisannya itu tegak saja bermakna dia seorang yang rajin, bertanggungjawab, pandai bergaul dengan orang lain dan sikapnya amat menyenangkan. Dia juga mampu membuat keputusan dengan wajar dan tepat.

Condong ke kanan - Orangny bersikap terbuka sama ada dalam pergaulan biasa atau hubungan cinta. Namun dia ini juga sentiasa memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada orang lain dalam apa juga yang dilakukannya. Dalam erti kata lain, mereka ini kurang yakin dengan tindakan yang diambil dan memerlukan pendapat dan pandangan orang lain untuk menyakinkan diri mereka sendiri. Mereka juga mudah ditimpa perasaan cepat bosan jadi sebab itu cukup pantang kalau mereka kena tunggu lama!

Condong ke kiri - Dia ini seorang yang sensitif walaupun mungkin dari segi luaran nampak dia ini seolah-olah tak kisah sangat. Selain itu, dia juga seorang yang amat berhati-hati dalam apa juga yang dilakukannya kerana dia tidak mahu timbulnya sebarang penyesalan di kemudian hari nanti. Walau bagaimanapun jangan tak tahu, mereka ini seorang yang cukup setia kepada orang yang dicintainya! Cayalah!

### **[Saiz tulisan]**

Besar - Ini menandakan dia seorang yang kurang matang namun dia inginkan orang lain mengikut caranya. Sebab itu mungkin akan timbulnya perselisihan dengan orang sekeliling. Bahkan dia juga amat gembira jika ada orang yang memandang tinggi terhadap keupayaan dirinya.

Kecil - Bentuk tulisan kecil ini menandakan dia seorang yang berfikiran jauh dan bersikap akademik. Selain itu dia juga sebenarnya seorang yang sensitif dan mudah tersentuh jiwanya.

Semakin lama semakin besar - Jika dilihat, mulanya saiz tulisannya taklah besar sangat tapi semakin banyak dia menulis, saiznya bertambah besar. Ini menandakan dia seorang yang berfikiran terbuka tetapi agak kurang berhati hati dalam tindakannya.

Semakin kecil - Ha.. ini pula membawa maksud bahawa dia seorang yang cukup berhati hati tetapi suka menyimpan rahsia. Tapi awas, dia mungkin sanggup berbohong untuk menutup kesalahan dirinya. Kata orang, bohong sunat!

### **[Bentuk tulisan]**

Lebar - Ia menandakan bahawa dia seorang yang aktif dan suka melibatkan diri dalam pelbagai persatuan dan pertubuhan. Selain itu dia juga gemar mengembara sambil bercuti. Tapi nampaknya dia ini kurang bijak dalam menjaga hati teman-teman.

Tulisan kurus - Ternyata dia akan melakukan perkara-perkara yang hanya digemarinya saja.

Tulisan bersegi empat - Otak matematik rupanya dia ni.

Tulisan bulat - Ini menandakan dia seorang yang suka bergaul dan penyayang.

Bersambung - Pemikirannya berdasarkan logik.

Bercerai cerai - Segala tindakannya lebih cenderung mengikut gerak hatinya saja!

### **[Jarak tulisan]**

Tulisan jauh - Sekiranya dia mempunyai jarak antara tulisan agak jauh, bermakna dia sukar didekati dan tak suka orang lain terlalu rapat dengan dirinya. Bukan apa, jika dia mungkin akan bersikap mengongkong atau bergantung pada orang-orang yang rapat dengan dirinya itu.

Tulisan rapat - Memang mudah untuk berdampingan dengan dia ini kerana dia juga berfikiran terbuka.

### **[Ruangan di tepi]**

Perhatikan ruang yang ditinggalkan pada muka surat itu. Sekiranya : Ruang kiri kanannya sama, jarak ruang di kiri dan kanan muka surat itu adalah sama besarnya -Itu bermakna dia seorang yang berfikiran optimistik.

Ruang muka surat sebelah kiri kecil - Itu menandakan dia seorang yang amat sensitif sebenarnya!

Ruang muka surat kanan kecil - Sememangnya dia seorang yang rajin namun sukar membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Penuh satu muka surat - Ternyata dia seorang yang amat tegas dan mempunyai banyak ide bernas yang boleh dikongsi bersamanya.

## RAHSIA MATA WANITA

Dari mana datangnya cinta? Dari mata turun ke hati..... Mata juga mengungkap pelbagai makna....firasat tersirat. Namun firasat ini hanyalah sekadar menambah pengetahuan, tentang tingginya rahsia pusaka Melayu lama yg kaya dgn pelbagai ilmu tilikan tentang insan bergelar WANITA. Sejauhmana kebenaran tidaklah diketahui dan mungkin sekadar kebetulan semata-mata....

SIFAT MATA WANITA	SIKAP WANITA
Saiz mata kecil	Peramah, banyak cakap, kurang pertimbangan. Lelaki boleh jadi kelam kabut akibat mulutnya. Bersikap periang tapi bila marah lambat sejuknya. Bila bercinta suka tukar pasangan kerana hatinya tidak pernah puas. Boleh bahagia dengannya jika dapat penuhi kehendak duniawinya dan melayan syahwatnya dengan baik.
Saiz mata sedang	Sederhana, tidak banyak berahsia, ada pertimbangan, bertanggungjawab serta perlukan belaian mesra suami.
Saiz mata lebar	Cukup kuat berahsia, otak kurang cergas, pemaarah,bertindak tanpa fikir panjang, kurang teratur, tiada arah tujuan dan putus asa.Tapi boleh setia. Nafsu syahwat tinggi.
Mata selalu berkedip	Pemaaf, senang dibawa berbincang, memahami dan sabar. Wanita ini baik
Mata jarang berkedip	Wanita ini istimewa, bijaksana, baik pekerti, setia, adil,bertanggungjawab,tidak cerewet, membantu dan membahagiakan.
Mata cengkung	Kurang memuaskan, materialistik,hidup dengannya boleh sengsara, kata manis tapi bohong, mahu senang, mudah curang, bila anda susah dia tidak peduli.
Mata redup	Wanita ini mudah dipermainkan, tidak dapat kawal emosi, hati tidak tetap, banyak kenalan kurang sahabat, mengumpat, irihati, kejam, kasar,mencemuh, pemaarah.
Matanya seolah tersembul keluar	Sifatnya baik, rela, tabah, menyenangkan,ikut kata. Tapi mungkin tidak tepati janji, pendendam, tamak dan marah bila tidak puas nafsu syahwatnya.

## RAHSIA BULAN KELAHIRAN

### # BERDASARKAN KAJIAN 25 TAHUN DATO FADZILLAH KAMSAH

#### JANUARI

- bercita-cita tinggi dan orangnya serius
- suka mendidik dan dididik
- sangat mudah melihat kelemahan orang dan suka mengkritik
- rajin dan setiap yg dibuat nampak keuntungan
- suka smart, kemas dan teratur
- bersifat sensitif , berfikiran mendalam
- pandai mengambil hati org lain
- pendiam kecuali telah dirangsang
- agak pemalu daya tumpuan yang sangat tinggi
- mudah mendisiplinkan diri sendiri
- badannya sihat tetapi mudah diserang selsema
- bersikap romantik tetapi tidak pandai memamirkannya
- cukup sayang pada kanak-kanak
- suka duduk rumah
- setia pada segala-galanya
- perlu belajar kemahiran sosial
- cukup cemburu yg sangat tinggi

#### FEBRUARI

- berfikiran abstrak
- sukakan benda yang reality dan abstrak
- intelligent, bijak dan genius
- berpesonality yg mudah berubah
- mudah menawan org lain
- agak pendiam. Pemalu dan rendah diri
- jujur dan setia pd segalanya
- keras hati untuk mencapai matlamat
- tidak suka dikongkong
- mudah memberontak apabila dikongkong
- suka kegiatan yg lasak
- emosinya mudah terluka dan sgt sensitif
- mudah memamirkan marahnya
- tidak suka benda yg remeh-temeh
- suka berkawan tapi kurang memamerkannya

- sangat berani dan suka memberontak
- bercita-cita tinggi dan suke berangan-angan dan ada harapan utk merealisasikan impiannya
- pemerhatian yg tajam
- suka hiburan dan sukan
- suka benda yg bersifat seni
- sangat romantik pada dalaman tetapi tidak pada luaran
- berkecenderungan pd benda yg tahyul
- amat mudah dan boleh menjadi terlalu boros
- belajar untuk mempamirkan emosi

## MAC

- berpersonaliti yg menarik dan menawan
- mudah didampingi
- sgt pemalu dan pemendam rasa
- sgt baik secara semulajadi, jujur pemurah dan mudah simpati
- sgt sensitif pd perkataan yg dituturkan dan alam persekitaran
- suka pada kedamaian
- sgt peka kepada orang lain
- sesuai dgn kerjaya yg memberi khidmat kepada org lain
- tidak cepat marah dan sangat amanah
- tahu balas budi dan tahu kenang budi
- pemerhatian dan penilaian yg sangat tajam
- kecenderungan utk berdendam jika tidak dikawal
- suka berangan-angan
- suka melancong
- sgt manja dan suka diberi perhatian yg sangat tinggi
- kelam kabut dalam memilih pasangan
- suka dgn hiasan rumahtangga
- punya bakat seni dalam bidang muzik
- kecenderungan kepada benda yang istimewa dan baik
- jgn terlalu moody

## APRIL

- sgt aktif dan dinamik
- cepat bertindak buat keputusan tetapi cepat menyesal
- sgt menarik dan pandai manjakan diri
- punya daya mental yg sangat kuat
- suka diberi perhatian

- sgt diplomatik (pandai memujuk )berkawan dan pandai menyelesaikan masalah org
- sgt berani dan tiada perasaan takut suka adventure, pengasih, penyayang, sopan santun dan pemurah
- emosi cepat terusik
- try control the emotion
- kecenderungan bersifat dendam
- agresif, kelam kabut utk membuat keputusan
- kuat daya ingatan
- gerak hati yg sangat kuat
- pandai mendorong diri sendiri dan memotivasikan org lain
- berpenyakit disekitar kepala dan dada
- sgt cemburu dan terlalu cemburu

## MEI

- kekerasan hati & degil
- kuat semangat & bermotivasi tinggi
- pemikiran yg tajam
- mudah marah apabila tidak dikawal
- pandai menarik hati org lain & menarik perhatian
- perasaan yg amat mendalam
- cantik dr segi mental & fizikal
- tidak perlu dimotivasikan
- tetap pendirian tetapi mudah dipengaruhi oleh org lain
- mudah dipujuk
- bersikap sistematik (otak kiri)
- suka berangan
- kuat daya firasat memahami apa yg terlintas di hati org lain tanpa diberitahu
- bahagian telinga & leher mudah diserang penyakit
- daya khayalan yg tinggi
- permikiran yg tajam
- pandai berdebat
- fizikal yg baik
- kelemahan sistem pernafasan
- suka sastera, seni & muzik serta melancong
- tidak berapa suka duduk dirumah
- tidak boleh duduk diam
- tidak punya ramai anak
- rajin dan bersemangat tinggi
- agak boros

## JUN

- berfikiran jauh & berwawasan
- mudah ditawan krn sikap baik
- berperangai yg lemah lembut
- mudah berubah sikap, perangai idea @ mood
- idea yg terlalu banyak dikepala
- bersikap sensitif
- otaknya aktif (sentiasa berfikir)
- sukar melakukan sesuatu dgn segera
- bersikap suka menanggung-nanggung
- bersikap terlalu memilih & mahukan yg terbaik
- cepat marah & cepat sejuk
- suka bercakap & berdebat
- suka buat lawak & bergurau
- otaknya cerdas berangan-angan
- mudah berkawan & pandai berkawan
- org yg sangat tertib
- pandai mempamerkan sikap
- mudah kecil hati
- mudah kena selsema
- suka berkemas
- cepat rasa bosan
- sikap terlalu memilih & cerewet
- kurang mempamerkan perasaan
- lambat nak sembuh apabila terluka hati
- suka kepada barang yang berjenama
- mudah menjadi eksekutif
- kedegilan yg tidak terkawal
- sesiapa yg memuji saya adalah musuh saya tetapi siapa menegur saya adalah kawan saya.

## JULAI

- Sangat seronok didamping
- Banyak berahsia dan sukar dimengerti terutamanya lelaki
- Agak pendiam kecuali dirangsang
- Ada harga dan maruah diri
- Tak suka menyusahkan orang lain tapi tidak marah apabila disusahkan
- Mudah dipujuk dan bercakap lurus
- Sangat menjaga hati orang lain
- Sangat peramah

- Emosi sangat mendalam tapi mudah terluka hatinya
- Berjiwa sentimental
- jarang berdendam
- mudah memaafkan tapi sukar melupakan
- tidak suka benda remeh-temeh
- membimbing cara fizikal dan mental
- sgt peka, caring dan mengasihi serta penyayang
- layanan yg serupa dgn semua orang
- tinggi daya simpati
- pemerhatian yg tajam
- suka menilai org lain dgn pemerhatian
- mudah dan rajin belajar
- suka muhasabah diri
- suka megenangkan peristiwa atau kawan lama
- suka mendingkan diri
- suka duduk dirumah
- suka tunggu kawan tapi tak cari kawan
- tak agresif kecuali terpaksa
- lemah dari segi kesihatan perut
- mudah gemuk kawal tak kawal diet
- minta disayangi
- mudah terluka hati tapi lambat pulih terlalu mengambil berat rajin dalam membuat kerja

## OGOS

- suka berlawak
- mudah tertawan kepadanya
- sopan santun dan caring terhadap org lain
- berani dan tidak tahu takut
- orgnya agak tegas & bersikap kepimpinan
- pandai pujuk org lain
- terlalu pemurah & bersikap ego
- nilai harga diri yg sangat tinggi
- dahagakan pujian
- semangat juang yg luar biasa
- cepat marah & mudah mengamuk
- mudah marah apabila cakupnya dilawan
- sangat cemburu
- daya pemerhatian yg tajam & teliti
- cepat berfikir
- fikiran yg berdikari
- suka memimpin & dipimpin

- sifat suka berangan
- berbakat dlm seni lukis,hiburan & silat
- sangat sensitif tapi tidak mudah merajuk
- cepat apabila ditimpa penyakit
- belajar utk relax
- sikap kelam kabut
- romantik ,pengasih,penyayang
- suka mencari kawan

## SEPTEMBER

- sangat bersopan santun & bertolak ansur
- sangat cermat,teliti & teratur
- suka menegur kesilapan org lain & mengkritik
- pendiam tapi pandai bercakap
- sikap sangat cool sangat baik & mudah simpati
- sangat perihatin & terperinci, amanah, setia & jujur
- kerja yg dilakukan sangat sempurna
- sangat sensitif yg tidak diketahui
- org yg banyak berfikir
- daya pentaakulan yg baik
- otak bijak & mudah belajar
- suka mencari maklumat
- kawal diri dari terlalu mengkritik
- pandai mendorong diri sendiri
- mudah memahami org lain (daya firasat yg tinggi) krn banyak simpan rahsia
- suka sukan,hiburan & melancong
- kurang menunjukkan perasaannya
- terluka hatinya sangat lama disimpan
- terlalu memilih pasangan
- sukakan benda yg luas
- bersistematik

## OKTOBER

- suka sembang
- suka org yg sayang padanya
- suka ambil jln tengah
- sangat menawan & sopan santun
- kecantikan luar & dalam
- tidak pandai berbohong & berpura-pura

- mudah rasa simpati, baik pentingkan kawan
- sentiasa berkawan
- hatinya mudah terusik tetapi merajuknya tak lama
- cepat marah
- macam pentingkan diri sendiri
- tidak menolong org kecuali diminta
- suka melihat dari perspektifnya sendiri
- tidak suka terima pandangan org lain
- emosi yg mudah terusik
- suka berangan & pandai bercakap
- emosi yg kelam kabut
- daya firasat yg sangat kuat (terutamanya perempuan)
- suka melancong, bidang sastera & seni
- pengasih, penyayang & lemah lembut
- romantik dlm percintaan
- mudah terusik hati & cemburu
- ambil berat tentang org lain
- suka kegiatan luar
- org yg adil
- boros & mudah dipengaruhi persekitaran
- mudah patah semangat

## **NOVEMBER**

- banyak idea dalam perkara
- sukar utk dimengertikan atau difahami sikapnya
- berfikiran ke hadapan
- berfikiran unik dan bijak
- penuh dgn idea-idea baru yg luarbiasa
- pemikiran yg tajam
- daya firasat yg sgt halus dan tinggi
- bagus utk jadi doktor
- cermat dan teliti
- personality dinamik
- sifat yg berahsia, pandai mencungkil dan mencari rahsia
- banyak berfikir, kurang bercakap tetapi mesra
- berani, pemurah, setia dan byk kesabaran
- terlalu degil dan keras hati
- apabila hendak diusahakan sehingga berjaya
- tak suka marah kecuali digugat
- mudah ambil berat terhadap orang lain
- pandai muhasabah diri
- cara berfikir lain dari org lain

- otak yg sangat tajam
- pandai mendorong diri sendiri
- tidak hargai pujian
- kekuatan semangat dan daya juang yg sgt tinggi dan apabila hendak sesuatu cuba sampai berjaya
- badan yg tough
- kasih sayang dan emosi yang sangat mendalam
- romantik
- tidak pasti dgn hubungan kasih sayang
- suka duduk dirumah
- sangat rajin dan berkemampuan tinggi
- amanah, jujur setia dan pandai berahsia
- tidak berapa berjaya dalam mengawal emosi
- bercita-cita tinggi
- perangai tidak dapat diramal dan mudah berubah-ubah

## **DISEMBER**

- Sangat setia dan pemurah
- Bersifat patriotik
- Sangat aktif dalam permainan dan pergaulan
- Sikap kurang sabar dan tergesa-gesa
- Bercita-cita tinggi
- Suka menjadi orang yang berpengaruh dlm organisasi
- Seronok didampingi
- Suka bercampur dgn org
- Suka dipuji, diberi perhatian dan suka dibelai
- Sangat jujur amanah dan bertolak ansur
- Tidak pandai berpura-pura
- Cepat marah
- Perangai yg berubah-ubah
- Tidak ego walaupun harga diri yang sangat tinggi
- Benci pada kongkongan
- Suka berlawak
- Pandai buat lawak dan berfikiran dgn logik

## [Rahsia Menambat Hati Lelaki](#)

Bagaimana anda menambat hati lelaki, terutama kekasih atau suami sendiri? Manusia memang tidak mampu meneroka hati dan jiwa manusia. Namun anda boleh belajar mengenal mereka supaya kebahagiaan dapat dinikmati bersama.

**Apa sebenarnya yang harus anda lakukan untuk menambat hati lelaki?**

### **Terima lelaki agar dia menerima anda**

Mungkin tiada perkataan yang lebih sesuai untuk menyatakan ini selain "Terimalah lelaki sebagai sediakala". Terimalah dia sebagai lelaki. Yang penting untuk anda tahu ialah mengenai lelaki, dan bukan mengubah lelaki. Jika anda mahu mengubah personaliti lelaki yang menjadi kekasih atau suami anda, dia mungkin akan menjadi insan lain, yang mungkin tidak anda sukai dan tidak menyukai anda.

### **Fahamilah lelaki agar dia memahami anda**

Cuba memahami perangai sedia ada pada seseorang lelaki yang menyesuaikan perangai itu dengan diri anda. Ianya adalah lebih baik dari cuba mengubahnya dan beranggapan bahawa ianya tidak sesuai dengan anda. Asalkan perangai itu tidak bertentangan dengan kehendak agama dan kesopanan budaya. Dengan cara itu lelaki akan cuba memahami anda dan menyesuaikan dirinya dengan diri anda.

### **Berubah untuk menikmati perubahan**

Sekiranya anda mahu mengubah perangai lelaki, malah perangai sesiapa pun, anda tidak akan mampu berbuat demikian kerana insan itu sendirilah yang akan mengubah perangnya jika dia mahu. Anda cuma boleh memujuk dan mempengaruhinya agar berpihak kepada anda. Anda sendiri perlulah sanggup berubah kepada perangai yang lebih baik untuk membolehkan seseorang lelaki berubah memperbaiki dirinya.

### **Sanggup memberi untuk menerima**

Di atas segala-galanya, apa yang penting untuk anda lakukan ialah sanggup memberi lebih banyak berbanding apa yang anda terima daripada lelaki. Dengan itu, anda mungkin akan menerima lebih banyak daripada yang sanggup anda beri.

### **Percaya untuk dipercayai**

Sekiranya anda tidak mempercayai lelaki, jangan anda mengharapkan lelaki itu mempercayai anda. Hidup ini meminta pada yang ada, memujuk pada yang sayang. Untuk membuat orang lain percaya kepada anda bukanlah perkara yang mudah. Bagi menyebabkan orang lain tidak percaya pada anda, bukan lah

payah. Apabila lelaki sudah tidak percayakan anda, amat sukar pula untuk dia mengubah pendiriannya.

### **Menangkan lelaki untuk menang**

Mengenal lelaki bukanlah untuk mengalahkan lelaki. Dalam sebuah perkahwinan, sepatutnya sama-sama menang dalam semua aspek kehidupan. Dalam satu perkahwinan ada dua kuasa, pertama kuasa suami dan kedua kuasa isteri. Kuasa suami adalah memulakan dan menyuarakan. Kuasa isteri pula adalah sama ada bersetuju atau tidak. Sekiranya kedua-duanya menyalahgunakan kuasa, perkahwinan itu akan menjadi porak-peranda.

### **Sifat negatif akan membuah kesan negatif**

Ramai wanita yang mencabar dan celupar terhadap lelaki atau suami sendiri. Ramai juga yang bersifat pendesak, terlalu banyak meminta, merendahkan suaminya, membandingkan suaminya dengan lelaki lain dan memaki hamun suaminya. Sekiranya anda bersifat demikian, walau bagaimana sekalipun anda kepada suami anda, anda bukanlah seorang wanita yang bijak. Adalah yang mungkin menjadi penyebab mengapa suami anda merasa tertekan, tidak selesa, banyak berdiam diri, bermasam muka dan sebagainya lagi yang tidak menyenangkan anda. Adalah yang sepatutnya berubah.

### **Bertanggung jawab dan menikmati kesan tanggung jawab**

Sebenarnya tanggung jawab wanita terhadap suaminya tidak akan berubah walaupun dunia ini makin maju. Begitu juga dengan tanggung jawab suami kepada isteri. Selagi anda menjalankan tanggung jawab anda dengan sempurna sebagaimana yang digariskan oleh agama, anda tidak perlu risau apa pun.

### **Kritikan akan membuah kritikan**

Kritikan merbahaya kerana ia menjadikan lelaki defensif dan sedaya upaya ingin mempertahankan dirinya. Ia juga bahaya kerana melukakan nilai diri lelaki. Menjejaskan rasa kepentingan diri. Dan menyebabkan lelaki merasa kecewa kepada anda dan mungkin akan mengkriti anda pula.

### **Beri kepada lelaki apa yang dia mahu**

Dia akan melakukan apa saja untuk anda dan memberi apa yang anda mahu. Ada dua perkara besar yang dimahukan oleh lelaki (i) kehendak seks, dan (ii) kehendak untuk menjadi penting. Setiap orang dewasa mahukan kesihatan, makan, tidur, wang, kepuasan seks, anak-anak yang terjaga, rasa dipentingkan dan hidup yang bahagiua dunia dan akhirat. Berilah lelaki apa yang dia mahu dan apa yang boleh anda berikan.

### **Tunjuk minat tulin terhadap lelaki**

Dia akan menunjukkan minat terhadap anda. Dengar apa yang ingin dikatakannya, walaupun ianya tentang dirinya sendiri, juga mengenai kerjanya ataupun kesukaannya. Lebih berminat anda padanya, maka lebih berminatlah dia pada anda.

### **Senyum itu tanda kasih yang tak perlu dibayar**

Anda tidak perlu membayar apa-apa untuk senyum pada lelaki yang anda kasihi. Dia akan senyum kembali pada anda. Betapa nikmatnya senyuman yang dilemparkan pada anda itu, begitulah juga nikmat yang dirasanya apabila anda senyum padanya. Senyum menyebabkan lelaki suka pada anda.

### **Panggillah lelaki dengan panggilan manja**

Sebagaimana anda mahukan lelaki memanggil anda dengan nama yang baik dan nada lembut, begitu pula lelaki. Dia mahukan anda memanggilnya dengan lembut, merdu dan manja, sesuai dengan sifat anda sebagai wanita.

### **Hormati dia sebagai lelaki**

Dia akan menghormati anda sebagai wanita. Jika anda berusaha untuk memahami sikapnya, dan bertolak ansur dengannya, dia juga akan melakukan perkara yang sama terhadap anda. Wanita patut menghormati lelaki yang menjadi suaminya, dan memberi penghormatan tidak akan merendahkan kehormatan diri sendiri, malah menjadi diri lebih terhormat.

### **Dunia Lelaki Yang Berbeza Dari Wanita**

Seorang lelaki tidak sama dengan seorang wanita. Lelaki juga tidak akan menjadi wanita, dan begitulah sebaliknya. Ramai wanita menganggap lelaki sukar difahami, begitu jugalah pendapat lelaki. Berikut dinyatakan beberapa sifat lelaki secara umum agar anda mudah memahami mereka:

### **Hidup lelaki lebih mudah**

Lelaki lebih mudah cara hidupnya berbanding dengan wanita. Kerana itu lelaki sukar untuk memahami jika sesuatu perkara itu disampaikan dalam bentuk kiasa oleh wanita. Wanita suka berkias dan berharap lelaki faham. Tetapi, lelaki lebih suka jika ianya dijelaskan dengan bahasa yang mudah, dan secara berterusterang. Sekiranya wanita tidak jelas mengenai sesuatu perkara, tanyalah secara terbuka kepada lelaki.

### **Bahasa lelaki adalah berlainan**

Lelaki bercakap dengan bahasa yang berlainan. Ini yang menyebabkan lelaki dan wanitasukar berkomunikasi antara satu sama lain. Apa yang lahir dari kata-katanya jika dia bercakap dengan wanita, adalah berbeza daripada apa yang dimaksudkan. Ini bukan bererti dia berbohong. Maka adalah lebih baik bagi wanita untuk memahami lelaki dari apa yang dilakukan berbanding dari apa yang dikatakan. Lelaki tidak pandai melahirkan rasa hatinya dalam bentuk kata-kata.

### **Lelaki suka membisu**

Wanita berkebolehan untuk membicarakan sesuatu subjek yang sensitif dan mendukacitakan sebagai salah satu cara berhadapan dengan realiti. Tetapi lelaki lebih suka untuk menyembunyikan dan membisu.

### **Lelaki tidak kompleks**

Jika terdapat semua tanda yang menunjukkan bahawa seorang lelaki hanya mahu wanita menjaganya, mengemas rumah, menyediakan makanan untuknya, wanita harus percaya bahawa itulah yang lelaki tersebut mahu. Ini bukan bererti lelaki berfikiran primitif, tetapi lelaki memang sedemikian. Wanita selalu menganggap lelaki sebagai kompleks, tetapi sebenarnya kehendak lelaki adalah mudah.

### **Jangan paksa lelaki**

Bila wanita mendesak lelaki mendedahkan perasaannya, mungkin wanita itu akan mendedahkan sesuatu yang wanita itu tidak suka mendengarnya. Malah adalah lebih baik jangan bertanya dan menyelidik sampai ke akar umbi. Malah apa yang penting wanita itu perlu membaca bahasa badan lelaki, matanya, atau perubahan mendadak dalam corak perlakuannya. Jika dia pada kebiasaannya suka membaca tetapi tidak melakukannya, mungkin pada masa itu fikirannya sedang kacau.

### **Lelaki berahsia dengan lelaki lain**

Tidak sebagaimana wanita yang lebih mudah untuk bercerita masalah yang dihadapinya kepada wanita lain, harapan dan kebimbangan yang dirasainya dan pelbagai cerita peribadi, adalah sukar bagi lelaki untuk menjadi mesra secara verbal sedemikian rupa. Untuk melakukannya lelaki memerlukan kekuatan dan keberanian yang maksima.

### **Lelaki pentingkan kejujuran**

Sepertimana wanita, lelaki juga pentingkan kejujuran. Jika lelaki tahu yang kekasihnya atau isterinya suka bercerita kepada wanita lain tentang dirinya, besar kemungkinan lelaki itu tidak akan bercerita lagi secara mesra mengenai hal-hal rahsia yang lainnya. Kejujuran adalah penting bagi lelaki. Seorang suami mahu isterinya menyimpan rahsia-rahsia rumahtangganya.

### **Lelaki Perlu Keselesaan Perasaan**

Wanita sering menganggap lelaki sukar difahami. Sebenarnya ini juga anggapan lelaki pada wanita. Berikut dinyatakan beberapa sifat umum lelaki agar kita lebih memahaminya.

### **Lelaki tidak suka dikritik**

Jangan mengkritik lelaki, memainkan jika wanita itu bersedia untuk bertikan lidah dengannya. Lelaki tidak begitu terbuka untuk menerima kritikan. Mengkritik di belakangnya, contohnya kepada saudara atau rakannya, mungkin dapat mengelakkan konfrantasi serta merta tetapi dia akan berasa marah juga apabila perkara tersebut disampaikan kepadanya.

Cara baik mengkritik lelaki adalah dengan cara berjenaka dan lembut. Cara lelaki mengkritik adalah berlainan dan ia jarang dilakukan oleh wanita. Bila lelaki mahu

mengkritik, masa dan keadaan dipilih dengan teliti. Bila menegur, perbincangan itu ringkas, tidak emosi dan tepat.

Untuk mengkritik lelaki eloklah kiranya kritikan itu digabung dengan sedikit pujian.

### **Lelaki juga mahukan sokongan**

Bila lelaki menghadapi masalah dan mengadu pada wanita, wanita harus memberitahu lelaki itu bahawa dia masih diperlukan. Lelaki mahukan keselesaan perasaan dan sokongan serta kata-kata lunak seperti: "saya cintakan abang.." atau "Tidak kira apa yang terjadi, saya tetap bersama abang..."

### **Lelaki dan ego**

Ramai lelaki menunjukkan egonya pada dua masa, pertama di dalam kerka dan kedua di ranjang. Ini biasanya menyebabkan wanita menjadi bosan. Tetapi sebaik-baiknya wanita patut mempertingkatkan ego suami atau kekasihnya.

Wanita yang menyemarakkan api cinta akan menikmati kehangatan api cinta itu. Lelaki mahu wanita memberitahu bahawa sumbangannya diiktiraf dan dinilai. Jika anda tidak menyatakan kepadanya, siapa lagi? Jika anda mempertingkatkan ego lelaki, ia kan membuatkan lelaki merasa senang dan setipa orang disekelilingnya akan mendapat faedah, terutamanya yang dicintainya.

### **Lelaki mesra tanpa beremosi**

Antara perkara yang ada pada lelaki dan wanita ialah kehendak mutlak untuk dikasihi dan mengasihi sebagai balasan. Intimasi emosional, bersatunya jiwa bukan hanya jasad, adalah cara bagaimana kasih sayang itu lahir. Ianya bukan satu proses sahaja.

Setiap manusia bergantung kepada intimasi emosional untuk seimbang dan gembira, paling kurang ia perlu untuk meneruskan kehidupan. Tempat di mana lelaki berbeza dari wanita ialah pada kebolehan lelaki untuk mesra dari segi seks tanpa kemesraan emosi. Janinan atau hubungan antara dua perkara ini, iaitu kemesraan cinta berahi (seks) dan kemesraan emosi cinta kasih (emosi) tidak penting pada ramai lelaki.

Ramai lelaki memberi keutamaan yang rendah pada kemesraan emosi. Lelaki lambat mencapai kemesraan emosi berbanding dengan wanita. Lelaki lebih cepat mencapai kemesraan seksual. Kemesraan emosi wujud apabila terdapat hubungan yang rapat dan jujur antara suami isteri. Ia mungkin dianggap penting sebagai hubungan seks yang lebih memuaskan. Tetapi jika tanpa emosi seks boleh dilakukan juga oleh lelaki.

Melakukan seks tanpa kemesraan emosi boleh menyebabkan punca konflik semulajadi antara lelaki dan wanita. Bila keperluan kemesraan emosi wanita

tidak dipenuhi samaada sebelum atau selepas kemesraan seksual, kekecewaan akan melanda wanita. Tetapi tidak lelaki.

### **Lelaki suka menyelerak**

Lelaki bersifat suka menyelerak barang-barang dan berharap isteri akan mengemaskannya. Kadangkala lelaki mahu isterinya bersifat sebagai ibunya. Walaupun pada kebanyakan ketika lelaki adalah pembuat yang memulai atau meneruskan sesuatu, adakalanya lelaki mahu dijaga oleh seorang 'ibu'. Dia menunjukkan kemahuannya itu secara tak langsung dengan menyelerak.

### **Lelaki diumpun menerusi matanya**

Mata lelaki dianggap pembangkit ghairah paling utama. Kemudian itu barulah sentuhan, hiduan dan pemikiran rasional memainkan peranan. Untuk menghangatkan hubungan, wanita perlu menghiasi dirinya dengan keindahan. Ini boleh membangkitkan keghairahan lelaki. Lelaki cenderung untuk mencari keghairahan penglihatan, sedangkan wanita bangkit keghairahannya dari bacaan dan kesan terhadap imajinasinya.

### **Pujuklah Ia Walaupun Terpaksa**

Lelaki tidak meminati wanita? Itu adalah satu pembohongan. Tidak ada lelaki tidak berminat atau tertarik untuk mengenali mana-mana wanita. Lelaki dijadikan sebagai makhluk yang akan memulakan sesuatu. Berbanding dengan wanita yang dijadikan dengan perasaan malu yang lebih menebal daripada lelaki.

Terdapat pelbagai cara lelaki untuk mengenal wanita. Melalui cara itu lelaki akan lebih mengenali wanita dan memahami kehendak wanita. Melalui pemerhatian yang dilakukannya, lelaki mengenali wanita sebagai seorang yang:

- 1) Mudah tersinggung jika hatinya terusik terutama yang membakitkan perasaan
- 2) Mudah jemu dan perlukan suasana yang berlainan untuk menghilangkan rasa jemu dan bosan.
- 3) Amat memerlukan cinta kerana memandang lelaki sebagai orang yang dicintainya dan cuba menyesuaikan dirinya dengan lelaki yang dicintainya.
- 4) Suka dipuji walaupun dia tahu bahawa lelaki itu berdusta asalkan pujian itu tidak menyakiti dirinya malah mendatangkan kegembiraan kepada dirinya.
- 5) Tidak percaya kepada lelaki walaupun kekasih atau suaminya begitu menyayanginya. Keadaan ini disebabkan perasaan gelisah dan sangsi lebih banyak dirasakan oleh wanita.
- 6) Berhati sentimental kerana naluri dan perasaan wanita yang penuh dengan kelembutan, sensitif, perasa dan lebih suka terpengaruh oleh suara hatinya berbanding oleh akalnya.

7) Suka memaksa lelaki kerana dia menganggap lelaki adalah insan yang dapat melenyapkan rasa bosan dan jemu. Dan sebab itulah wanita memaksa lelaki agar memujuk rayu dan memanjakannya. Walaupun begitu, wanita tidak sanggup kejam terhadap lelaki malah lebih rela berlaku kejam terhadap dirinya sendiri.

8) Cemburu. Ini kerana wanita lebih cenderung mempertahankan harga diri, kepentingan peribadi, kepentingan keluarga dan anak-anak.

9) Bersikap penggoda kerana wanita dikatakan sentiasa memikirkan cara untuk memenangi hati lelaki dengan menggunakan daya tarikan tubuh dan wajahnya bagi tujuan tersebut. Sebab itu wanita suka memperagakan pakaian yang seksi ditempat umum.

Perkara-perkara yang dinyatakan di atas bukanlah tuduhan terhadap wanita atau untuk merendah-rendahkan martabat wanita. Dengan mengetahui perkara ini, lelaki dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sifat-sifat sebenar wanita. Bagi wanita pula, kenalpasti kelebihan dan kelemahan diri adalah penting sebagai persiapan menghadapi apa saja kemungkinan yang bakal dicetuskan oleh lelaki.

### **Wanita Dari Pandangan Mata Lelaki**

Ada ramai wanita di dalam dunia ini. Tetapi adakah semua wanita itu mampu menarik minat lelaki untuk mengenalinya. Kadang-kala seorang lelaki hanya mahu menduga hati seorang wanita sahaja bila mendekati mereka. Tetapi tahukah anda wanita yang bagaimana boleh menarik minat lelaki untuk mendekati mereka? Ada banyak faktor yang boleh menyebabkan lelaki mendekati seseorang wanita.

1) Personaliti seorang wanita itu penting. Dengan personaliti yang meyakinkan seseorang lelaki boleh terpicat bila memandangnya. Mereka juga akan berasa lebih yakin untuk mendekati wanita tersebut.

2) Lelaki terkenal dengan mata jalanannya. Ada juga lelaki yang suka memerhatikan wanita yang seksi, apatah lagi jika wanita itu memakai pakaian yang menghairahkan.

3) Penampilan, gaya berjalan dan cara pergaulan wanita juga kadang-kadang membuat seorang lelaki terpicat. Ada kalanya salah satu daripada faktor itulah yang buat lelaki terlalu ingin mendekati seseorang wanita.

4) Ada juga lelaki yang mementingkan kesopanan. Lelaki yang lebih sukakan wanita sebegini selalunya lelaki yang tidak suka berfoya-foya. Mereka lebih suka mendampingi wanita yang tidak akan memalukan mereka.

5) Memang tidak semua lelaki mementingkan wajah. Tetapi ada juga lelaki yang mudah tertarik pada wanita yang cantik, ayu dan anggun. Ada ketikanya sehingga membuatkan mereka menoleh untuk kali kedua bila memandangnya.

Walau bagaimanapun tidak semua lelaki yang mementingkan fizikal seseorang wanita, ada juga lelaki yang lebih mementingkan faktor dalam diri seseorang wanita.

## Rahsia Menambat Hati Perempuan

- Perempuan inginkan perhatian dan kasih sayang, terutamanya dari orang yang disayangi. Oleh itu tunjukkan sifat keperihatinan dan kasih sayang yang tiada nilai kepada mereka. Bila mereka rasa terhibur dan bahagia mereka akan menjadi seorang pasangan yang amat setia dan cinta sepenuh hati. Sekiranya kasih sayang yang mutlak telah didambakan kepada orang yang disayangnya, segala pengorbanan akan dilakukan tanpa memberi sebarang nilai-itulah perempuan.
- Gunakan sepenuhnya teknologi yang ada di zaman sekarang. Seringlah menelefon atau menghantar e-mail untuk bertanya khabar atau paling minima mengucapkan 'Hai' untuk menunjukkan bahawa dia sering di hati kamu. Bagi mereka walaupun satu ungkapan atau satu ayat, ia merupakan sesuatu yang sangat berharga dan begitu bahagia menerimanya.
- Berkongsilah masalah dengan mereka, cuba dengar pendapat mereka, sekurang-kurangnya mereka akan berasa yang mereka itu penting dalam diri kamu dan diperlukan.
- Jangan kamu ambil remeh-temeh pada perkara yang amat penting bagi mereka. Mereka sangat kuat ingatan terhadap tarikh-tarikh penting, contohnya hari ulang tahun. Apa salahnya buat 'surprise' sekali sekala kepada orang yang kita sayangi. Mereka akan dapat rasakan yang kamu betul-betul menyayangnya.
- Perempuan terkenal dengan sifat manjanya. Mereka sering ingin melakukan sesuatu bersama orang yang disayangi. Mereka akan meminta bantuan kamu walaupun mereka mampu melakukannya. Jangan menolak sekiranya kamu tiada halangan ketika itu. Inilah masanya untuk kamu menonjolkan ke'macho'an kamu!.
- Pujuklah mereka dan tenangkan mereka sekiranya mereka dalam kesusahan. Ketika ini mereka benar-benar inginkan kamu disisi mereka.
- Jangan kedekut memberi pujian kepada mereka kerana mereka berhak mendapat pujian.
- Berbincanglah kamu selagi kamu boleh berbincang dan berbincanglah bersama-sama dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
- Jangankamu menggunakan kuasa veto kamu dalam membuat keputusan. Cuba memahami keinginannya dan kemahuannya. Seseengah perempuan tidaksuka menyatakan secara terus terang tentang apa yang mereka inginkan, kadang-kadang mereka suka berkias dan memberi

contoh 'cerita orang lain' kepada kamu. Jadi kamu kenalah peka dan gunakan kepakaran kamu untuk memenangi hati mereka.

- Jangan lupa, mereka juga ada ego yang terselit di celah-celah kelembutan mereka. Apabila mereka terancam atau tercabar.. lahirlah sifat amarah, cemburu dan cepat merajuk. Masalah akan timbul bagi mereka yang suka memendam terhadap sesuatu yang mereka tidak puas hati. Mereka akan 'meletup' pada suatu hari. TETAPI kamu jangan sama-sama meletup. Kamu juga jangan lupa dalam diri kamu wujud satu sifat kepimpinan untuk menyelesaikan masalah yang timbul dalam keadaan yang terkawal .Cari sebab mengapa ia terjadi dan bawa berbincang. Ditahap ini kesabaran, toleransi dan komunikasi amat penting. Lakukan dalam keadaan ketika mereka sudah 'sejuk'. Mungkin kamu juga boleh 'cool'kan diri kamu dengan berfikir secara positif contohnya mengapa mereka cemburu. Itu kerana mereka SAYANGkan kamu!

## Rahsia Personaliti Dari Kiraan Tarikh Lahir

Tarikh lahir kita menerangkan siapa kita, apakah kelebihan kita dan apakah kebolehan kita. Ia juga menunjukkan apakah yang harus kita pelajari dan cabaran yang perlu kita hadapi. Untuk mengetahui nombor lahir kita, kita boleh mencampurkan nombor-nombor tarikh lahir kita sehingga ianya menjadi satu nombor tunggal

Contoh:

12 April 1974

$12 + 4 + 1974 = 1990$

$1 + 9 + 9 + 0 = 19$

$1 + 9 = 10$

$1 + 0 = 1$  (Jadi nombor lahirnya ialah 1)

Keterangan nombor lahir

### **1) Ketulenan**

- Hadir dengan idea baru.
- Memperolehi sesuatu dengan cara yang tersendiri.
- Golongan ini merupakan yang paling jujur dan boleh mempelajari dengan baik teknik diplomasi.
- Mereka suka mengambil inisiatif dan suka menjadi yang terbaik dan kebiasannya adalah pemimpin atau boss.
- Bekerja sendiri merupakan pilihan terbaik mereka.
- Perkara yang perlu dipelajari: Idea dan pendapat yang lain mungkin baik atau lebih baik. Berfikirlah secara terbuka.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 1:

Abe, Tom Hanks, Robert Redford, Hulk Hogan, Coral Burnett, Wynona Judd, Nancy Reagan, Requel Welch

### **2) Pendamai**

- Dilahirkan sebagai diplomat.
- Mereka selalu memikirkan dan peka terhadap keperluan dan perasaan orang lain sebelum mengambil kira dirinya sendiri.
- Secara semulajadi sangat analitikal dan suka mengikut gerak hati.
- Mereka tidak suka bersendirian.
- Persahabatan adalah penting buat mereka dan berupaya mendorong mereka untuk berjaya di dalam hidup; tetapi mereka sanggup untuk bersendirian jika hubungan yang terjalin itu tidak serasi.

- Golongan ini secara semulajadi adalah pemalu, mereka patut belajar untuk meningkatkan nilai sendiri (self esteem) dan meluahkan perasaan secara terbuka tanpa berselindung.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 2:

President Bill Clinton, Madonna, Whoppi Goldberg, Thomas Edison, Wolfgang Amadeus Mozart.

### 3) Ceria

- Mereka sangat kreatif, sosial, mesra, romantik dan mudah dibawa berunding.
- Mereka suka memulakan sesuatu tetapi jarang dapat menghabiskannya.
- Mereka suka orang lain gembira dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapainya.
- Mereka sangat popular dan idealistik.
- Golongan ini perlu belajar untuk melihat sesuatu dengan lebih realistik.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 3:

Alan Aida, Ann Landers, Bill Cosby, Melanie Griffith, Salvador Dali, Jody Foster

### 4) Konservatif

- Golongan ini sangat peka dan tradisional.
- Mereka sukakan arahan dan sesuatu yang rutin.
- Mereka hanya akan bertindak apabila faham sepenuhnya tentang apa yang sepatutnya mereka lakukan.
- Mereka suka bekerja keras dan sanggup melakukan sesuatu kerja secara sendirian.
- Mereka mudah tertarik dengan aktiviti luar dan merasai pertalian dengan alam sekitar.
- Mereka berupaya untuk bersabar, tekun dan adakala dianggap degil.
- Mereka harus belajar untuk lebih fleksibel dan bersikap lebih baik terhadap diri sendiri.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 4:

Neil Diamond, Margaret Thatcher, Arnold Schwarzenegger, Tina Turner, Paul Hogan

## 5) Perintis

- Mereka adalah perintis.
- Secara semulajadi mereka mempunyai sikap ingin tahu dan suka mengambil risiko serta sangat bersemangat (enthusiasm).
- Mereka perlukan kepelbagaian dan tidak suka disekat.
- Dunia ini adalah sekolah mereka, mereka memerhatikan setiap peluang untuk mempelajari sesuatu daripada setiap situasi yang ditempuhi.
- Persoalan yang bermain difikiran mereka tidak pernah terhenti.
- Golongan ini dinasihatkan untuk melihat sesuatu dengan teliti dan mendapat semua fakta yang diperlukan sebelum membuat sesuatu kesimpulan.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 5:  
Abraham Lincoln, Chorlotte Bronte, Jessica Walter, Vincent Van Goh, Bette Midler, Helen Kellar dan Mark Hamil.

## 6) Romantik

- Golongan ini adalah idealistik dan memerlukan sesuatu sebab untuk berasa gembira.
- Hubungan kekeluarga yang kuat adalah penting buat mereka.
- Perasaan mereka mempengaruhi keputusan mereka.
- Mereka sangat suka untuk membantu dan menjaga seseorang.
- Mereka sangat setia dan boleh menjadi guru yang terbaik.
- Mereka suka seni musik.
- Mereka menjadi teman yang setia kepada sesiapa yang menjalin persahabatan secara serius.
- Golongan ini harus belajar apakah yang boleh diubah dan apakah yang tidak boleh diubahnya.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 6:  
Albert Einstein, Jane Saymour, John Denver, Merly Streep, Christopher Columbus, Goldie Hawn

## 7) Intelektual

- Golongan ini adalah Pencari. Selalu menyelesaikan sesuatu yang tersembunyi, dan mereka sukar untuk menerima sesuatu perkara dengan mudah. - Perasaan mereka tidak mempengaruhi keputusan mereka.
- Mereka suka mempersoalkan apa yang ada disekeliling mereka tetapi mereka tidak suka dipersoalkan.
- Mereka kerap dikenali sebagai ahli falsafah dan sangat berpengetahuan dan kadangkala bersendirian.
- Mereka gemarkan perkara yang berteknikal dan berkebolehan untuk menjadi penyelidik yang baik dalam menyelesaikan sesuatu perkara.
- Mereka sangat suka berahsia.
- Golongan ini hidup dalam dunia mereka tersendiri dan mereka perlu belajar untuk menerima kenyataan dunia sebenar.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 7:  
William Shakespeare, Lucille Ball, Micheal Jackson, Joan Baez, Princess Diana

## 8) Penyelesaian

- Golongan ini adalah penyelesaian masalah.
- Mereka adalah profesional, berterus terang, penilai yang baik dan sangat tegas.
- Mereka selalu mempunyai perancangan yang hebat dan suka hidup dalam suasana kehidupan yang terbaik.
- Mereka sangat suka mengendalikan manusia. Mereka melihat manusia secara objektif.
- Mereka akan memberitahu seseorang dengan cara mereka tersendiri bahawa mereka adalah ketua.
- Golongan ini perlu belajar untuk membuat keputusan berdasarkan keperluan sendiri daripada mengikut keperluan orang lain.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 8:  
Edgar Cayce, Barbra Streisand, George Harrison, Jane Fonda, Pablo Picasso, Aretha Franklin, Nostrodamus.

## 9) Pelakon

- Golongan ini mempunyai kebolehan untuk menghiburkan orang lain.
- Mereka sangat penyayang dan pemurah.
- Dengan daya tarikan yang ada, mereka tidak mempunyai masalah untuk berkawan dengan sesiapa jua dan pada mereka tiada sesiapaapun yang dianggap asing kepada mereka.
- Mereka mempunyai personaliti yang pelbagai sehingga menyukarkan orang sekeliling mereka untuk memahami mereka.
- Mereka umpama binatang sumpah-sumpah yang boleh berubah dan menyesuaikan diri mengikut persekitaran.
- Mereka mempunyai nasib yang sangat baik tetapi juga boleh menderita akibat terlalu bergantung kepada nasib dan perasaan (mood).
- Untuk berjaya golongan ini perlu membina landasan kasih sayang.

Golongan terkenal yang mempunyai nombor lahir 9:

Albert Schweitzer, Shirley MacLaine, Harrison Ford, Gloria Steinem, Jimmy Carter, Elvis Presley.

## Rahsia Mengetahui Lelaki Dari Bulan Kelahiran Islam

### **Muharram**

Seorang yang pendiam, sihat pemikirannya. Mungkin akan menjadi bodoh jika tidak mendapat didikan sempurna, walaupun begitu jika dididik dengan baik, dia boleh menjadi cerdik kerana bakat fikiran yang pintar cerdas ada padanya. Dia mempunyai keinginan yang baik dan selalu berada dalam selamat.

### **Safar**

Tabiatnya buruk. Tidak suka mengakui kesalahannya. Ibu bapanya perlu mendidiknya untuk menghilangkan tabiat itu, jika tidak kehidupannya menjadi susah. Walaupun begitu, sekiranya dia melakukan sesuatu untuk kepentingan dirinya, selalunya ia akan mendatangkan hasil.

### **RabiulAwal**

Perwatakannya baik, mungkin dia akan mendapat pangkat besar, menjadi orang berpengaruh atau kaya tanpa diduga dalam pekerjaan, ramai yang menyenangkannya. Sifat negatif dirinya termasuklah kurang sabar, hatinya keras, dan mudah marah.

### **RabiulAkhir**

Perwatakannya jahat. Hatinya tidak tetap. Fikiran dan kemahuannya lemah, buruk nafsunya, kasar wataknya, mudah mengangkat tangannya. Kehidupan menjadi sukar kerana tabiat buruknya. Ibu bapanya menempuh kesukaran dalam mendidiknya.

### **JamadiilAwal**

Dia mempunyai tingkat keyakinan diri yang tinggi. Berani dan nekad. Kadangkala melakukan sesuatu yang bodoh atau bahaya. Walau begitu, keberanian dan tekadnya akan menunjukkan hasil usahanya, kadangkala menemui kegagalan juga.

### **JamadiilAkhir**

Wataknya berani, dia hormatkan orang lain. Berbagai kepandaian ada padanya. Bila dia tahu dia salah atau keliru, dia mudah mengakuinya, bila dia tahu dia benar, pendiriannya keras tidak mahu mengalah. Semasa kecil ibubapanya perlu mendidiknya dengan baik agak terserlah sifat-sifat yang baik itu, kerana jika betul didikannya, masa dewasa ia akan menyenangkan kedua orang tuanya.

### **Rejab**

Semasa kecil dia degil dan nakal. Ibubapanya patut mendidik dengan baik agar dapat menerapkan nilai-nilai yang baik. Ketika dewasa, dia suka bersikap merendahkan diri dan tidak tahu menahu. Ini agak berlainan dari sikapnya semasa kecil bagaimanapun hidupnya selamat dan sentosa.

**Syaaban**

Perwatakannya baik, hidup selamat rezekinya tidak putus-putus. Waktu kecil mudah mengalah bila bermain dengan kawan-kawan. Kelakuan baik, berbudi bahasa hingga semua orang suka kepadanya. Masa dewasa ia akan berjaya dalam segala dalam kerjayanya dan mudah mendapat rezeki .

**Ramadhan**

Dia baik, pendiam, suka merendahkan diri. Dia tidak angkuh kepada teman yang dikenali. Tidak suka membanggakan dirinya dan kehidupannya selalu selamat.

**Syawal**

Perwatakan keras. Hatinya keras. Tidak suka dikalahkan oleh orang lain. Hal ini membahayakan kehidupannya, oleh itu ibu bapa perlulah mendidiknya dengan betul bagi menghilangkan tabiat buruknya, jika tidak, kehidupannya menjadi susah kerana perangai keras hatinya dan dia selalu bergaduh terutamanya dalam hal mencari rezeki.

**Zulkaedah**

Perwatakannya pendiam. Banyak perkara baik pada dirinya berubah menjadi buruk. Dia terlalu banyak berfikir, sifat ini akan membuahkan hasil yang baik dalam kehidupannya. Tetapi oleh kerana terlalu banyak berfikir, dia kadangkala menjadi keliru. Seharusnya dia bertindak tanpa terlalu banyak berfikir untuk mendapat hasil yang memuaskan.

**Zulhijah**

Jika dia jahat dia terlalu jahat, jika dia baik terlalu baik pula. Dia sering mendapat padah dari perbuatannya sendiri. Dia sukar mengawal perasaannya, kadangkala terlalu berlebih-lebihan atau sebaliknya. Oleh kerana dia tidak dapat memberikan garis pemisah, dia sukar mempertimbangkan baik buruk perbuatannya. Dia seringkali menyesal kerana kurang pertimbangan. "

## Rahsia Warna Untuk Kesihatan

Anda mengalami masalah sakit kepala, tertekan atau sering rasa mengantuk. Tahukah anda warna mampu menghapuskan masalah tersebut.

### **HILANGKAN MASALAH SAKIT KEPALA**

WARNA: **MERAH**

Kajian mendapati bahawa warna merah dapat membantu untuk mengurangkan rasa sakit kepala. Oleh itu jika anda mengalaminya , letakkan tuala lembab berwarna merah diatas mata anda. Ia mampu meningkatkan peredaran dan melonjakkan adrenal

### **MENGURANGKAN TEKANAN DITEMPAT KERJA**

WARNA: **BIRU**

Anda rasa tertekan ? Cuba fokuskan mata anda kepada sesuatu yang berwarna biru. Ia berupaya merangsangkan suasana tenang dan ianya dapat mengurangkan tekanan darah. Cuba ubah "screen saver" computer anda kepada warna-warna yang dapat membuatkan anda merasa tenang dan kurangkan rasa tegang

### **ELAKKAN INSOMNIA**

WARNA: **MERAH JAMBU**

Jika anda mengalami masalah sukar untuk tidur yang selesa diwaktu malam, apa kata anda mencuba petua ini. Hiasi bilik tidur anda dengan warna tersebut.Kajian mendapati bahawa warna ini mampu mewujudkan suasana santai dan selesa. Suasana yang romantik...

### **CERIAKAN MOOD ANDA**

WARNA: **JINGGA**

Apabila anda merasa murung atau cuba untuk mengembalikan tenaga anda, cuba sesuatu yang berwarna jingga. Insyaallah pasti mood anda akan Berubah.

### **LENYAPKAN KELETIHAN**

WARNA: **HIJAU**

Terdapat pendapat yang mengatakan warna ini mempunyai kesan positif dalam sistem imunisasi selain dapat menggalakkan suasana harmoni di dalam badan

## Rahsia Wanita Tanah, Api, Angin dan Air

Mungkin tidak ramai diantara kita yang pernah mendengar bahawa kita mempunyai beberapa sifat yang dipengaruhi oleh unsur-unsur alam seperti tanah, air, api dan angin. Perkara ini merupakan petua orang-orang Melayu bagi memilih pasangan. Bagi lelaki yang berunsur api elakkan dari memilih pasangan yang mempunyai unsur sepeertinya.

Tapi itu hanyalah pandangan orang tua-tua. Penentuan unsur seseorang ditentukan melalui anak ke berapa dalam keluarga.

- Tanah - anak pertama, kelima, kesembilan
- Air - kedua, Keenam, kesepuluh
- Api - ketiga, ketujuh, kesebelas
- Angin - keempat, kelapan, kedua-belas

### **Wanita berunsur Tanah**

Tanah yang subur mampu membuahi tanaman yang hijau dan mekar. Wanita yang bersifat tanah biasanya mempunyai sifat-sifat seperti:

- \* Rendah diri di hadapan suaminya serta hormat dan patuh, setia serta rela berkorban demi kasih sayangnya kepada suami.
- \* Sebahagian sifat tanah, wanita jenis ini tidak cerewet, tidak suka bercakap meninggikan diri, tidak menyombong dan bukan seorang pemaarah.
- \* Tenang dan mengamankan jiwa suami, selalu memberi galakan dan sokongan dan tidak suka membantah atau membangkang.
- \* Orang yang berperawakan manis dan lemah lembut, pembersih dan sentiasa menjaga kecantikan untuk suami.

### **Wanita berunsurkan Air**

Air sifatnya bersih dan suci, sejuk, nyaman serta menghilangkan dahaga. Air juga sifatnya mencambahkan benih, menyuburkan serta menyegarkan. Wanita bersifat air mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- \* Menghidupkan hati suami menjadikan suami sentiasa bersemangat.
- \* Mengambil berat tentang suami dan kebajikan anak-anak serta tidak membiarkan anak-anak hanyut dibawa arus hidup.

- \* Hatinya bersih serta boleh membahagiakan suami dan anak-anak.
- \* Menenangkan hati suami bila si suami menghadapi masalah.

### **Wanita yang berunsurkan Api**

Api sifatnya panas dan membakar tapi menerangi kegelapan malam. Ia juga menghangatkan kedinginan malam serta digunakan untuk memasak. Wanita bersifat api:

- \* Cintanya sentiasa hangat membara kepada suami serta kuat cemburu.
- \* Cergas dan cepat dalam geraklaku menjadikan dia seorang yang cekap dalam menguruskan hal-hal rumahtangga.
- \* Penasihat yang baik kepada suami.
- \* Pandai dan cekap menguruskan rumahtangga. Pandai menghias diri agar kelihatan cantik dan menarik dihadapan suami.
- \* Sentiasa waspada dan cepat bertindak bagi menyelamatkan keadaan.

### **Wanita berunsur Angin**

Angin meredakan kehangatan, menjadi sumber tenaga. Wanita yang berunsurkan angin:

- \* Mempunyai sifat lemah lembut dan menyenangkan suami.

## **Rahsia Mengetahui Diri Melalui Wajah**

Di bawah ni adalah sedikit ramalan mengenai diri anda melalui wajah anda. Tapi..jangan percaya 100%..kalau betul ia mungkin secara kebetulan..

### **DAHI**

Anda mempunyai dahi yang berkerut-kerut secara tegak di antara mata? Kerut tersebut menunjukkan bahawa anda mendorong diri kuat bekerja dan bertujuan kesempurnaan dalam semua hal.

Kerut tunggal yang mendatar di antara mata anda? Kerut mendatar tersebut menunjukkan bahawa anda seorang yang bertanggungjawab. Anda mesti dapat tahu cara untuk meringankan beban anda.

### **TELINGA**

Telinga anda jabing? Telinga tersebut menunjukkan bahawa akal anda tidak biasa. Anda cerdik-pandai tapi anda juga seorang yang keras hati.

Telinga anda runcing? Menunjukkan bahawa anda tidak sebagai berapa baik hati. Anda cerdik dan kreatif.

### **CUPING TELINGA**

Kerut tegak di cuping telinga anda? Berjaga-jaga untuk masalah jantung, anda perlu menjaga diri lebih baik.

Cuping telinga anda bersambung dengan rusuk kepala? Anda suka mengarah dan memberi perintah. Orang lain melihat anda seorang yang berfikiran dangkal.

### **BULU KENING**

Bulu kening anda bertemu di tengah? Jangan ambil pusing hal-hal kecil. Akal anda selalu sibuk dan agak sukar untuk anda bersenang-lenang. Jangan selalu berkecil hati dan sedih.

Bulu kening anda selalu tidak teratur dan liar? Bulu kening tersebut menggambarkan akal anda agak huru-hara dan tidak biasa. Anda boleh tidak berbudi. Anda boleh melihat segi semua dalam setiap isu yang mana mencampurkan anda dalam banyak pertengkaran. Selepas berkhayal berusia 30-an tahun, akhirnya anda mengatur diri sendiri dan berjaya.

### **MATA**

Mata anda berdekatan satu sama lain? Anda mempunyai pendekatan hidup sempit dan begitu berkira sangat. Walau bagaimana pun agak kurang sabar, anda boleh menilai dunia sekeliling anda dengan tepat dan menggunakan pengetahuan tersebut dengan baik.

Mata anda berjauhan satu sama lain? Anda seorang penyabar dan berfikiran luas. Walau bagaimana pun, anda mudah ditipu juga dan bila hal berlaku buruk, anda selalu emosi.

Mata anda ke dalam? Anda berwaspada dan pendiam. Walau bagaimana pun anda agak romantik, anda selalu realistik dalam percintaan. Biasanya anda berjaya setelah 30-an.

Mata anda tersembul? Anda teguh hati dan egotistik. Anda benci jika anda dipotong oleh orang lain.

### **HIDUNG**

Berada bentuk seperti bola kecil di hujung hidung? Anda seniman atau seniwati dan anda menghargai mutu dan kecantikan.

Di hujung hidung anda berbentuk seperti bawang? Anda merindukan kesejahteraan dan anda menjadi seorang pengumpul.

### **MULUT**

Sudut mulut anda melengkung ke atas walaupun anda tidak tersenyum? Bererti anda selalu sedia mendengar yang terbaik daripada orang. Anda bersikap positif dan jarang bersendiri.

Mulut anda melengkung ke bawah secara semulajadi? Anda bersikap mudah putus asa dan anda mencurigai kebanyakan apa yang anda dengar. Anda rasa tidak sangat rasa kecewa kerana anda telah menjangkanya dari awal. Kebahagiaan datang agak lewat di hidup anda yang bermula lewat 40-an.

### **GIGI**

Berada ruangan di antara gigi depan anda? Anda berani dan sanggup menanggung risiko. Tetapi anda selalu mengubah fikiran.

Anda mempunyai dua gigi depan yang besar? Menggambarkan anda degil, tidak sabar dan perlu selalu diyakinkan.

### **DAGU**

Dagu anda runcing? Anda suka menguasai. Cerdik dan peka dan agak kepala angin. Anda benci menerima perintah tanpa kejelasan kukuh.

Dagu anda lemah? Anda suka kepada keamanan. Anda lebih suka mengikut perintah daripada memberinya. Anda menghindari konflik walau apa pun terjadi. Bahayanya iaitu kekurangan cita-cita dan tidak bersedia untuk bersara.

## **TAHI LALAT**

Tahi lalat berwarna kemerah-merahan selalu tanda keuntungan, mana saja munculnya.

Tahi lalat gelap lebih sial, khususnya kalau mengubah bentuknya atau besarnya. Kalau tahi lalat mengubah bentuknya atau besarnya, beritahu doktor anda dan minta nasihat. Boleh ada tanda awal kanser kulit.

Di tepi rambut: Kekayaan.

Di antara bulu kening: Kebijaksanaan.

Di hujung hidung: Kekayaan anda selalu bawah ancaman.

Di bahagian dalaman telinga: Anda berbakat dan panjang umur.

Di pipi sebelah kanan: Kehidupan anda berjaya.

Di pipi sebelah kiri: Anda rajin.

Di setiap pipi: Anda akan berjaya selepas bekerja keras.

## Rahsia Sifat Wanita Menurut Primbon Jawa

Dalam memilih bakal isteri, masyarakat Melayu dahulu kala menggariskan beberapa falsafah bagi mengenal sifat-sifat batiniyah wanita berdasarkan kejadian tubuh badannya. Pengetahuan ini adalah berasaskan kitab Primbon Jawa dimana ilmu ini diturunkan secara lisan dari guru kepada muridnya. Segala catatan ini adalah untuk menambah pengetahuan semata-mata.

### **Beras Tumpah**

Kulit kuning, rambut lembut hingga ke hujung, payudara besar, di telinga ada tahi lalat. Dia lekas naik darah, pemboros serta suka bertengkar dengan suami.

### **Bintang Kesiangan**

Berkulit hitam manis, rambut lebat berombak, wajah manis mata redup seperti mengantuk. Dia senang bersama dan mesra dengan suami.

### **Durgasari**

Muka bujur telur berwarna sedikit keemerahan, leher jinjang. Suka khianat, tidak baik dalam rumahtangga dan suka berbohong.

### **Silasari**

Kulit kuning, rambut keperangan lembut sampai ke hujung, payudara kecil, tahi lalat di cuping telinga. Suka naik darah dan pemboros

### **Emping hijau**

Kulit gelap, rambut hitam lembut, muka panjang, badan tegap, kaki kecil dan kering, kuku panjang dan kecil. Dia baik, murah rezekinya, bertuah, tapi suka merajuk dan pulang ke rumah orang tuanya.

### **Matahari Jatuh**

Kulit kuning, urat nampak hijau, alis lentik, mata redup, wajah manis. Sabar, bertutur dengan berhati-hati,, berbudi bahasa, dapat menerima dimadu, setia, teliti dalam pekerjaan, murah rezeki.

### **Puspa Mekar**

Bentuk badan seperti lelaki, tulang agak menonjol, bila berdiri kaki seakan bertemu, ruas betis panjang. Dia dapat melayani kehendak suami.

### **Galak Ulat**

Kulit kuning, rambut keras dan lurus, hujung rambut warna merah. Dia sering menolak kehendak suami.

### **Gandasari**

Kulit kuning, rambut hitam berkilat,, leher agak pendek , gerak tubuh seperti orang malas, buah dada tergantung, tingkah laku pantas, manis dipandang.

Tidak menampakkan marah, tutur katannya lembut dan pandai dalam melaksanakan kewajipan.

### **Sinar Kencana**

Duduknya tenang, agak pendiam, berkulit gelap, rambut lembut, hitam dan halus, bertubuh besar. Perempuan ini baik. Pandai menjaga hati.

### **Sirih Terlentang**

Kaki agak melintang, jika berjalan kaki suka menendang tanah. Pemboros serta suka melakukan perbuatan keji

### **Bunga Lawang**

Tubuh kecil, kulit putih kekuningan, melangkah seperti harimau lapar, sentiasa mahu cepat pergi kemana-mana. Pandai simpan rahsia, sopan santun, mementingkan kebahagiaan rumahtangga dan keluarga.

### **Matahari Terbenam**

Badan kecil, warna kulit kemerahan, sedikit tanda kebiruan di wajah, alis mata tebal. Penyimpan rahsia, spontan, tidak sesuai dijadikan isteri tetapi sesuai sebagai sahabat.

### **Sari Maya**

Badan kurus, rambut genjur dan kasar, wajah kemerahan. Tak pandai meminta2, menerima apa sahaja keadaan, taat perintah Allah.

### **Kunci Kencana**

Kulit gelap, badan tinggi besar, kaki pendek. Dia amat bosan kepada suami.

## RAHSIA TABIAT WANITA

Pada zaman dahulu,wanita itu dikatakan tergolong kepada salah satu dari sepuluh tabiat haiwan. Pengetahuan ini bukanlah untuk merendahkan martabat wanita, tetapi hanyalah salah satu kepercayaan orang di masa lampau.

TABIAT ULAR	Menaruh dendam apabila mendengar sesuatu yg jahat tentang suami atau dirinya. Maka akan berkelahilah dia dengan orang lain.
TABIAT TIKUS	Dia adalah seorang wanita yg suka mencuri harta suaminya sendiri.
TABIAT KERA	Suka memakai baju berwarna merah, hijau dan kuning. Dia tidak suka memakai emas dan perak. Dia suka membesarkan diri di hadapan ramai.
TABIAT SERIGALA	Apabila suami ada di rumah, dia pura-pura menidurkan dirinya. Bila datang suaminya, dia akan berkata bahawa suaminya pergi berhiburan sedangkan dia sakit di rumah.
TABIAT ANJING	Suka memalingkan muka apabila bercakap dengan suaminya. Suka membantah dan mengherdik suami. Jika dia melihat suaminya berharta, dia mengasihi. Jika tiada berharta, dia akan menista dan membenci suaminya.
TABIAT KELDAI	Dia seorang wanita yang penakut. Namun, suka bersolek dan mencantikkan diri.
TABIAT KHINZIR	Wanita yang tiada berbuat baik. Suka makan minum sahaja untuk memenuhkan perutnya. Dia juga suka menjahanamkan harta suami dan tiada mahu berbuat ibadah.
TABIAT UNGGAS (BURUNG)	Suka berjalan dan berhiburan. Tetapi bila suaminya pulang, dia cemburu.
TABIAT KALA	Wanita yg sentiasa mengumpulkan jiran untuk mengumpat, mengadu, berbantah serta berbuat fitnah.
TABIAT KAMBING	Dia isteri yang berguna dan solehah. Dia mengasihi suaminya serta orang lain. Dia suka berbakti.

## Rahsia Tubuh & Kelakuan Wanita Menurut Primbon Jawa

Orang-orang Melayu zaman dahulu memang kaya dengan pelbagai kepercayaan dan petua dalam memilih isteri yang baik. Kesemua pengetahuan yang tertera di bawah lebih merupakan falsafah pengaruh Primbon Jawa. Ia adalah sekadar pengetahuan dan bukanlah untuk dipercayai semata-mata.

<b>RUPA WANITA</b>	<b>SIKAP WANITA</b>
Rupa cantik, mata layu, bicara halus dan perlahan, kulit warna kekuningan, rambut ikal mayang.	Dia pemurah, setia pada suami, penyabar dan tahan menderita.
Bentuk muka elok, montok dan lurus, rambut kasar.	Jujur dan setia pada suami dan memberi nikmat.
Badan tinggi besar, kulit hitam, rambut halus.	Baik, boleh dipercayai dan pandai menjaga rumahtangga.
Badan kecil, katik, muka manis, tingkahlaku pantas dan elok	Setia dan jujur terhadap suami. Tahan hidup sengsara.
Airmuka pucat, bibir selalu kering, kulit sawo matang.	Berhati mulia, setia dan boleh dipercayai
Badan kecil, gerak serba pantas, bercahaya mukanya, bulu kening lebat.	Mententeramkan, memberi nikmat.
Watak kasar, kulit putih, peramah.	Baik menjadi isteri kerana rezekinya murah dimasa depan.
Kulit kemerahan, muka kebiruan, bulu kening tebal.	Dapat memuaskan suami.
Leher condong ke depan, betis tegang berisi (bunting padi).	Memberi kenikmatan kepada suami dan pandai bernesra.
Montok, tingkah laku pantas dan elok.	Kasihnya besar terhadap suami, jujur.
Pinggang kecil, rambut lebat dan hitam pekat, kulit halus, muka manis	Setia dan dapat menasihati suami.
Kulit kuning, urat nampak kebiruan, anak rambut di dahi berdiri, mata selalu berkelip, bicara halus perlahan, air muka manis.	Berbudi bahasa, pemurah, setia, rezeki murah dan rela dimadu.

## Rahsia Hari Lahir & Tabiat Wanita Menurut Tajul Muluk

Tajul Muluk begitu sinonim dalam astrologi zaman silam, khususnya dlm masyarakat Melayu dalam menafsirkan watak-watak wanita, mimpi, hari yg baik dan terjemahan lain dalam kehidupan sehari-hari. Kini, kitab Tajul Muluk yg pernah terkenal suatu tika dahulu amat sukar dicari. Namun cebisan ilmunya masih diperturunkan oleh mereka yg arif mengenainya. Ia adalah untuk pengetahuan dan pembacaan semata2 dan bukanlah sebagai kepercayaan 100%.

Di sini diperturunkan tafsiran dari Kitab Tajul Muluk mengenai tabiat wanita dalam seminggu hari kelahiran mereka.

### **ISNIN**

Wanita ini bersikap jujur, tidak mudah menggelabah atau panik, berhati-hati, tidak mudah mengalah, pandai menjaga diri dan pergaulan. Ramai teman lelaki dan wanita yang menyukainya. Dia juga mudah memberi pertolongan, cergas, berusaha kuat, teliti dan pandai menguruskan kewangannya. Namun jika marah berapi-api dan menakutkan, jarang mahu mengaku kalah dalam pertengkar. Dalam percintaan, dia mencurahkan kesetiaan tidak berbelah bagi dan sedia berkorban. Seksualnya kurang membara melainkan pasangannya pandai mencari tempat rangsangannya.

### **SELASA**

Tabiat wanita ini suka mencari salah orang lain dan berpotensi menduakan suami. Namun pertuturannya lembut dan pandai mengambil hati. Apabila tidak sukakan seseorang, sentiasa mencari kesalahannya, hatinya keras dan sukar dilembutkan. Tetapi mudah mengaku kalah dan mudah meminta pertolongan orang lain. Pandai simpan rahsia, hanya orang tertentu saja tahu rahsianya. Keputusannya tidak mantap dan mudah terpengaruh. Dia juga mudah terperangkap dalam banyak hal. Dalam soal kewangan dia pandai berjimat, tak kedekut. Dia rajin bekerja, ada tanggungjawab, suka dipuji tetapi perlukan bimbingan dan pengawasan dalam banyak perkara.

### **RABU**

Suka berdendam. Jika ada orang berbuat jahat padanya, dia akan berbuat lebih jahat lagi pada orang itu. Namun dia pandai dalam pergaulan, pandai mengambil hati dan pandai menghargai orang. Suka mementingkan teman dari dirinya sendiri. Berfikiran terbuka, tak pandai simpan rahsia, tidak suka diperintah dalam bekerja. Keputusannya tidak seimbang, kurang pengalaman. Hatinya keras dan tidak mudah termakan pujuk. Hanya orang2 tertentu saja yang tahu melembutkan hatinya. Dalam soal kewangan, dia pandai cari duit tapi tak pandai simpan duit. Cintanya pandang pertama dan rela berkorban kerana cinta.

Seksualnya tinggi dan kuat, romantik ditempat tidur dan pandai berasmara.

### **KHAMIS**

Dia suka menyinggung hati orang lain, cakupnya kesat, kemahuan kuat, dan bersikap agresif. Rajin dan tekun bekerja, tak suka diganggu ketika bekerja, bercita-cita tinggi. Boleh terpicik kepada lelaki lain walaupun sudah ada kekasih atau suami. Namun dia tak mudah jatuh cinta, suka menyelidik dahulu sebelum bercinta. Hatinya tidak tetap, mudah terpedaya dengan pujuk rayu sehingga tak kenal antara yg baik dan buruk. Dia pandai mengurus dan merancang kewangan. Pada awal perkahwinan, tunduk pada suami, akan berubah apabila sudah lama berkeluarga. Seksualnya tinggi, jika tak pandai mengawal nafsu boleh terdorong ke lembah hina.

### **JUMAAT**

Wanita yg lahir pada hari ini tabiatnya berani menentang suami. Bangga diri, suka berbelanja, suka dipuji, suka bergaul dan suka melakukan perkara yang merbahaya dan sia-sia. Bersemangat waja, pandai simpan rahsia, tak suka mengaku kesalahan sendiri. Dalam soal kewangan, bersikap boros dan tak pandai simpan wang. Cintanya sejati dan tidak mudah berubah, cuma kadangkala tidak telus. Seksualnya sangat teristimewa, menyeronokkan, penuh kelembutan tetapi apabila dingin tak suka dipaksa.

### **SABTU**

Kuat cemburu, suka kebendaan, tak gemar dengan anak-anak, suka bertikam lidah. Namun dia tegas pendirian, cerdas pemikiran, teliti dalam banyak hal. Tidak pernah berasa puas, suka berkorban apa saja demi mencapai cita-cita. Apabila bercinta, suka menyelidik latarbelakang pasangan dan suka menguji. Pandai berjimat dan sentiasa berfikir untuk masa depan. Wanita ini akur dan mengikut perintah suami. Seksualnya agak dingin, tetapi apabila bermula, seksnya kuat dan tahan lama, tidak tergesa2 dan dilakukan dengan kelembutan.

### **AHAD**

Wanita yg lahir pada hari ini kebiasaannya sukakan kemewahan dan menunjuk2 diri. Apabila bersuami taat pada suaminya namun suka merendahkan kawan dan bersikap bangga diri. Dia tidak suka dengar nasihat, mudah terpedaya dengan kata2. Suka mengkritik orang tetapi tidak suka orang mengkritiknya. Percintaannya tidak telus tetapi sanggup berkorban apa saja jika hati dah suka. Pandai simpan rahsia, rajin berusaha dan bekerja, tak mudah mengalah namun bersikap pemboros. Rangsangan seksualnya tinggi tapi apabila tak dapat kepuasan cari jalan lain.

## **Rahsia Bulan Lahir & Tabiat Wanita Menurut Tajul Muluk**

Tajul Muluk begitu sinonim dalam astrologi zaman silam, khususnya dlm masyarakat Melayu dalam menafsirkan watak-watak wanita, mimpi, hari yg baik dan terjemahan lain dalam kehidupan sehari-hari. Kini, kitab Tajul Muluk yg pernah terkenal suatu tika dahulu amat sukar dicari. Namun cebisan ilmunya masih diperturunkan oleh mereka yg arif mengenainya. Ia adalah untuk pengetahuan dan pembacaan semata2 dan bukanlah sebagai kepercayaan 100%.

Di sini diperturunkan tafsiran dari Kitab Tajul Muluk mengenai tabiat wanita mengikut bulan kelahiran mereka.

### **JANUARI**

Ramai kenalan, sedikit pemalu dan bersungguh-sungguh bila melakukan kerja.

### **FEBRUARI**

Boleh dipercayai, pandai membuat kerja, sangat teliti dalam urusan kerja tapi suka bermain cinta.

### **MAC**

Ringan tulang, mudah membantu, tiada bakat dalam perniagaan kecuali diberi bimbingan. Mudah tergoda dengan lelaki, tak pandai menyimpan wang dan suka bersendirian.

### **APRIL**

Tabiatnya lekas naik darah, pertuturan keras dan kedekut.

### **MEI**

Suka merendah diri, penyabar, suka meminta bantuan orang lain, tiada bakat dalam perniagaan, manis pertuturan dan mudah dengan lelaki.

### **JUN**

Banyak ilmu pengetahuannya, ringan tulang, hidupnya dalam kemewahan, perkahwinannya tidak kekal, pernikahan lebih sekali.

### **JULAI**

Banyak pancaroba hidup dan godaan, banyak memperoleh rezeki.

### **OGOS**

Bernikah lebih sekali, berbakti kepada suami, rezekinya kepada suami, rajin berusaha.

### **SEPTEMBER**

Murah hati, tabah dalam dugaan, mempunyai anak yang ramai.

## **OKTOBER**

Murah rezeki, keras hati, mudah simpati.

## **NOVEMBER**

Rajin, pandai berbicara, mudah menyeleweng, tidak memanfaatkan harta pusaka.

## **DISEMBER**

Rajin berusaha, lekas naik darah, keras hati, bila marah berapi-api, anaknya ramai lelaki dan murah rezeki.

## **Rahsia Keserasian Pasangan Menurut Urutan Kelahiran**

Percaya atau tidak, orang-orang tua memang selalu menghubungkan hari dan tarikh kelahiran, mahupun urutan kelahiran kita dalam hal jodoh dan keserasian pasangan.. Jika kombinasinya tidak sesuai, dengan cepat mereka mengatakan si dia bukan jodoh kita. Benarkah demikian? Sekadar ingin tahu, tak ada salahnya anda mengetahui kombinasi seperti apakah yang baik menurut para orang tua zaman dulu? Siapa tahu ada persamaan dengan hubungan anda dan si dia saat ini? Kononnya, kombinasi hubungan yang sesuai adalah anak tunggal berpasangan dengan si bungsu, si sulung dengan si bungsu, si tengah dengan si bungsu. Kombinasi lainnya adalah sebagai berikut:

### **Si Sulung dengan si Sulung**

Konon katanya pasangan ini akan mengalami masalah-masalah dan kesulitan untuk menuju pada hubungan yang lebih baik mahupun yang lebih menyenangkan.

### **Si Sulung dengan si Tengah**

Katanya si tengah memiliki kepandaian untuk menyenangkan pasangannya. Selain itu juga si tengah ini merupakan pasangan yang secocok bagi siapa saja dan mudah diajak berbincang

### **Si Tengah dengan si Tengah**

Memiliki potensi untuk serasi di antara satu sama lain. Meskipun keduanya si tengah, namun bila salah satu lebih cenderung bersikap sulung dan yang lainnya agak kebungsuan, keduanya merupakan pasangan yang serasi.

### **Si Tengah dengan si Bungsu**

Keduanya akan menjadi pasangan serasi bila si tengah memiliki kecenderungan ke sulung. Jika si tengah memiliki sikap tengah, mungkin saja dia akan terpengaruh dengan gaya hidup si bungsu yang suka akan keseronokan serta menimbulkan masalah seperti pernikahan si bungsu dengan si bungsu.

**Si Sulung dengan si Bungsu**

Kombinasi paling bagus, si sulung dapat mengajar si bungsu bagaimana mengurus hidup dengan lebih baik dan serius. Si bungsu akan dapat mengajarkan si sulung bahawa wajar saja bersenang sekali-kali.

**Si Bungsu dengan si Bungsu**

Berhati-hatilah kerana anda berdua memiliki kecenderungan yang sama, iaitu suka bersenang-senang. Tapi jika anda berdua sudah melewati batas kawalan, maka hubungan anda berdua tidak akan berjaya.

**Anak Tunggal dengan anak Tunggal**

Keduanya akan memiliki keegoan tinggi sehingga diperlukan banyak waktu untuk hidup rukun dan saling mendukung.

Paparan di atas hanyalah mitos dan kepercayaan dahulukala. Percaya atau tidak, semuanya kembali pada diri anda.

## Rahsia Keperibadian Di Sebalik E-mel Seseorang

### **Gunakan Nama Penuh**

Sekiranya dia menggunakan nama alamat emelnya dengan nama penuhnya, contohnya nurhanis\_alias@yahoo.com .Ia menggambarkan bahawa dia seorang yang penuh tanggungjawab dan tidak suka berahsia. Dia juga boleh dipercayai dan jujur dalam setiap perbuatannya.Tapi ingat ,jangan cuba hendak memperlekehkannya.

### **Nama Depan Dan Tengah**

Contoh: Amir Hanif Abdullah. Dia menggunakan alamat emelnya sebagai amirhanif@yahoo.com iaitu nama awal dan tengah tanpa nama bapanya. Ia menunjukkan bahawa dia seorang yang sangat menghargai dirinya sendiri dan sanggup ketepikan hal orang lain demi kepentingan sendiri. Selain itu dia juga berani untuk tampil di khalayak ramai dan mengeluarkan pendapat dengan lantang.

### **Nama Dan Tahun**

Contoh: FaraH2003@yahoo.com .Dia dikatakan seorang yang mempunyai ego yang tinggi. Pantang sesiapa yang cuba menentang pendapatnya. Selain itu dia juga tidak sukakan komitmen dalam jangka masa terdekat ini. Kewujudan tahun di akhir nama seolah olah memperlihatkan dia tidak luas pandangan. Pendek kata dia juga menunjukkan .. pegangan yang mudah berubah-ubah.

### **Nama Samaran**

Hehheh... ramai yg suka buat email begini..Contohnya [funny\\_girlz@yahoo.com](mailto:funny_girlz@yahoo.com) Dikatakan seorang yang gemar hidup dalam khalayan hingga kadangkala menyusahkan orang lain. Namun dia disukai ramai kerana sifat humor yang dimilikinya membuatkan orang selesa berada di sisinya. Jika diasah dia boleh menjadi pemimpin dengan gaya yang tersendiri.

### **Nombor Dan Abjad**

Contoh: wbi1208@yahoo.com. Nama diwakili dengan nombor +abjad sahaja.Ia menggambarkan seorang yang bersikap tertutup dan memerlukan masa yang agak lama sebelum mampu "membuka" dirinya kepada seseorang .Itupun jika kepercayaannya mampu diraih. Jika tidak ... kirim salam sahajalah..

## Rahsia Keperibadian Wanita Melalui Cara Berjalan

Setiap gerakan wanita ketika berjalan itu melambangkan keperibadiannya. Sifat itu adalah seperti berikut:

### **1) Jika berjalan, dari belakang kelihatan seperti tidak memijak tanah.**

Golongan wanita yang jalannya berginjat, konon wanita ini adalah wanita yang tidak jujur, kalau berbual, mulutnya laser dan menyinggung perasaan orang lain. Wanita yang berjalan seperti ini juga terkenal dengan sikap egonya. Lebih parah, wanita ini biasanya pemboros atau suka membazir wang tanpa berfikir sebelum berbelanja. Padahal, wang yang dimilikinya itu masih banyak kegunaannya. Tapi jangan berkecil hati, kerana wanita seperti ini biasanya menjadi pujaan ramai lelaki.

### **2) Jika berjalan, sering menoleh ke kanan and kiri.**

Wanita seperti ini biasanya pandai menyimpan rahsia. Walaupun ramai yang menganggap wanita seperti ini tidak jujur, suka menipu teman sendiri, dan merugikan teman bualnya, namun, ramai lelaki yang berusaha untuk menakluk hatinya. Konon wanita seperti ini senang diatur dan diuruskan.

### **3) Jika berjalan suka menunduk.**

Cara berjalan melambangkan wanita seperti ini memiliki sifat yang tertutup. Ia hanya akan berbual dengan orang-orang yang rapat dengannya dan boleh dipercayai untuk menyimpan rahsiannya. Wanita seperti ini biasanya sukar untuk ditakluk hatinya. Disamping sikapnya yang dingin, wanita seperti ini tidak peduli dengan kehidupan cinta. Namun, jika ada lelaki yang berjaya menawan hati wanita dengan cara berjalan menunduk ini, dijamin akan mendapat kebahagiaan. Sebab, wanita jenis ini sangat setia, dan dia tidak akan mengkhianati lelaki yang dicintainya.

### **4) Jika berjalan menatap lurus ke depan.**

Wanita seperti ini biasanya memiliki pendirian yang teguh, bukan senang hendak menggoncangkan imannya. Jangan sekali-sekali menentang apa yang pernah dikatanya, jika anda tidak mahu mendengar dia berleter panjang lebar. Meski pendiriannya teguh, tapi dia selalu berselisih pendapat. Jangan hairan jika wanita seperti ini hanya mahu berbual dengan orang yang berpengalaman luas.

### **5) Jika berjalan badan bergerak ke kanan dan kiri.**

Wanita yang berjalan dengan gaya yang sedemikian tidak ambil kisah dengan masalah yang berlaku. Apa pun masalah yang ada dihadapannya, dia dianggap kecil. Padahal masalah itu sebenarnya memerlukan kebijaksanaan untuk diselesaikan. Kerana sifatnya yang suka ambil mudah ini, banyak persoalan yang akhirnya tidak dapat diselesaikan dan akibatnya merugikan dirinya sendiri.

### **6) Jika berjalan badan tampak tegak.**

Wanita ini tegas menentukan sikapnya sendiri. Dia tidak mahu urusan peribadinya dicampur oleh orang lain. Gaya bicaranya serius seperti ingin menunjukkan dia memiliki pendirian teguh. Yang menarik dari wanita ini, dia bertanggungjawab terhadap apa yang pernah dilakukannya. Dia menyenangi lelaki yang berdikari tanpa meninggalkan sifat-sifat romantiknya.

### **7) Jika berjalan seperti zirafah.**

Maksudnya, ketika melangkah kaki ,badannya ia kelihatan bergerak ke depan dan ke belakang. Wanita jenis ini sangat lemah perasaannya. Dia seorang yang mudah terasa dan mudah tersinggung. Jadi, jika anda berbual dengan wanita seperti ini kenalah menjaga perasaannya agar tidak tersinggung, kerana wanita ini mudah mengalirkan air mata.

### **Berikut ini adalah Tanda Wanita yang Baik**

1. Kepala dan mulut bulat menyerupai bulan purnama, dahinya rata (tidak lebar).
2. Matanya sedikit lebar, panjangnya seimbang dan bersinar berkilau, tenang dan pandangannya tajam, jarang berkedip, tidak pernah melihat dengan mengerling.
3. Alisnya panjang agak lurus dan bulu alisnya rata
4. Hidungnya lurus agak mancung, garis di kiri dan kanan hidung terlihat terang
5. Mulut sedang, bibir lurus tertutup, gigi tidak terlihat dan warna gigi putih berkilat teratur rata menyerupai biji ketimun yang agak besar, dasar bibirnya merah delima
6. Daun telinga tebal dan bentuknya baik
7. Bentuk dagunya bagus dan daging di bawah dagu tebal
8. Pipinya rata: seperti durian yang terbelah
9. Jari tangan runcing bagai duri akan tetapi sedikit keras dan tebal kukunya, daging telapak tangan tebal lagi halus dan lemas, untuk yang ada garis tengahnya terlihat lebih halus jika terpegang halus seperti sutera
10. Bentuk telapak kaki baik, demikian juga jarinya serta tebal dan halus, jarinya keras dan kukunya tebal
11. Lebar dadanya, daging yang berada di belakang juga tebal
12. Tulangnya keras, kulit tubuhnya lemas dan halus
13. Perlahan bicaranya, tepat dan terang, sederhana, tidak suka menggunjingkan orang lain, suaranya halus dan terang
14. Jika tertawa tenang, badannya tidak bergerak
15. Kedua kakinya teratur lurus jika duduk, jika bersila (kaki dilipat kedepan) rapi diam dan tenang, badannya tidak bergerak demikian juga tangannya tidak dilambaikan
16. Jika berjalan lurus serba teratur tidak tergesa-gesa, ayun tangannya pendek hingga badannya tidak bergerak, tidak sering berpaling pandangannya ke depan.

Ini hanyalah ramalan menurut Kanjeng Pengeran Harya Tjakraningkrat dalam bukunya kitab primbon "Bethaljemur Addamakna".

### Rahsia Gadis Mengekalkan Keayuan

- 1) Menjaga kejelitaan semulajadi (natural beauty) dengan tidak memakai bahan-bahan luaran tetapi menjaga emosi, fizikal dan mental. Gunakan masa untuk perkara yang berfaedah dan tentukan wawasan secara objektif, jangan banyak angan-angan. Tidur awal setiap malam dan bangun awal setiap pagi untuk solat subuh. Jangan tidur siang hari.
- 2) Menjaga suara. Latih diri bercakap dengan nada yang lembut, tidak sengau atau suaranya terlalu kuat.
- 3) Menjaga cara berkata-kata. Biasakan menggunakan perkataan yang melambangkan keluhuran budi seperti 'tolong' serta 'minta maaf'. Jangan gunakan perkataan yang terlalu beremosi seperti bosan, sakit hati, menyampah, benci dan sebagainya kerana ia akan menyebabkan muka jadi berkerut dan masam.
- 4) Menjaga kulit. Keebersihan sentiasa dijaga. Makanan yang berupa ulam-ulam yang wangi serta sayuran dan buah-buahan segar patut selalu dimakan. Gunakan sabun yang tidak merosakkan kulit.
- 5) Menjaga muka. Tangan perlu sentiasa bersih dan lembut. Jangan gunakan bedak yang bukan-bukan. Selalu menggunakan bedak sejuk untuk menjaga kulit muka. Jangan banyak berangan.
- 6) Menjaga rambut. Ia mahkota kejelitaan gadis. Bersihkan rambut tapi jangan terlalu kerap. Bila bersikat, ulangi sikatan ke seluruh bahagian kepala 100 kali untuk menjadikan rambut subur dan berkilat. Ramai lelaki suka pada gadis berambut panjang tapi kemas.
- 7) Menjaga cara berberjalan. Latih cara berjalan. Jauhi dari berjalan mengenggang atau tangan terlalu dihayun. Langkah jangan terlalu besar. Berjalan jangan terlalu laju. Badan jangan terlalu membongkok atau tegak. Leher jangan terteleng (senget sebelah). Muka elok ditundukkan sedikit.
- 8) Menjaga gerak-geri. Bila duduk di atas lantai duduklah dengan cara bersimpuh. Kalau duduk di atas kerusi, eloklah sila panggung. Jangan menganggang. Tangan jangan terlalu digerakkan bila bercakap. Cara bergerak biarlah lemah-lembut.

9) Menjaga senyum. Latihlah senyum jangan tersengeh. Tutup mulut bila ketawa. Ketawa secara sederhana. Selalu senyum tapi untuk tujuan baik.

10) Menjaga mata. Mata janganlah terlalu liar memandang sekeliling. Tundukkan mata dan memandang hanya kepada apa yang sedang anda hadapi. Jangan terlalu kerap mengerdipkan mata. Usah terlalu kerap menjeling walaupun kepada buah hati anda.

11) Menjaga kehormatan. Sentiasa bertemankan ibu atau saudara bila keluar. Minta izin ibubapa. Pakaian sopan. Pulang seawal mungkin.

12) Menjaga sikap. Taat beragama. Jangan bohong. Jauhi dari merungut. Jauhi dari menjadi amat cerewet dan jaga hati orang lain.

### **Rahsia Sifat Lelaki Berdasarkan Rambutnya**

1) RAMBUT LURUS - bijak, seorang yang happy, bergaya, cemburu, dan berpotensi dalam bidang kesenian.

2) RAMBUT KERINTING TEBAL - kurang bijak, degil, cemburu kuat, romantic, banyak pergaulan dan susah dalam menyelesaikan masalah diri, tidak suka termenung.

3) RAMBUT KERENTING NEGRO - bijak, ego, cemburu buta, romantik, memilih dan mudah mengamuk bila susah hendak selesaikan masalah

4) RAMBUT IKAL MAYANG - bijak, berfikir sebelum melakukan sesuatu, berfikiran terbuka, banyak pergaulan, dan mudah memaafkan seseorang dengan kesilapan lalu.

5) RAMBUT HALUS/LEMBUT - bijak sangat, memilih, pemaaf, manja, tegas dan cepat melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh.

6) RAMBUT SIKIT - bijak, sentiasa berfikiran negatif pada seseorang,ego, dan pandai membuka perniagaan walaupun kecil.

7) RAMBUT PERANG - kurang bijak, berfikiran terbuka, pemaaf, sosial dan bijak lari daripada masalah.

8) RAMBUT TEBAL - bijak, degil, cemburu, romantik, kasar, banyak kawan, dan pandai mengambil hati seseorang.

9) RAMBUT KUSUT - sangat bijak, berfikiran terbuka, banyak pergaulan, garang, susah nak memaafkan seseorang, dan pandai dalam menguruskan sesuatu tanpa pertolongan.

10) RAMBUT BERUBAN - kurang bijak, suka termenung, sosial sikit, berfikiran terbuka dan pandai selesaikan masalah diri.

## Rahsia Lelaki dan Ragam

Tiap orang punya perasaan untuk mencintai dan dicintai. Tipulah kalau ada yang menafikannya. Cuma mungkin ada yang masih belum bersedia untuk menjalinkan sebarang komitmen dan maintain single. Bukan apa, itupun satu langkah berjaga jaga.. takut tersalah pilih! Maklumlah, lelaki ni banyak jenis dan spesiesnya (sama macam perempuan juga)! Tersilap pilih, merana badan. Tak usah terlalu memandang paras rupa yang tampan bergaya tapi perangai... Tuhan saja yang tahu! Yang penting, hati kita bahagia bersamanya. Rupa tu, asalkan `sedap' mata kita memandang, cukuplah. Orang lain tu, peduli apa! Kalau bahagia.... kita. Kalau derita pun... kita yang tanggung! Di bawah ini diberikan beberapa cara untuk mengenali jenis lelaki yang ada agar anda boleh membuat pemilihan yang sewajarnya!

### **Lelaki Bersemangat**

Bagaimana mengenali mereka:

Personaliti diri mereka boleh dikenali menerusi penampilan fizikal mereka. Selalunya mereka yang punya semangat tinggi dalam hidup akan sering kelihatan kepenatan. Mungkin selepas makan atau merokok. Dia juga seorang yang lebih suka memendam rahsiannya seorang diri dan dari segi kewangan, tidaklah begitu berwang sangat. Satu lagi sikapnya, sering marah dengan ahli keluarga yang lain. Mungkin sebab kekurangan ehat akibat penat bekerja dan melakukan segalanya begitu bersungguh-sungguh.

Maknanya:

Biarpun mereka ini sering keletihan tapi sebenarnya mereka ini seorang yang sangat bersemangat dalam hidup dan sanggup bekerja keras demi kepentingan keluarga. Kamu boleh bergantung hidup padanya. Cuma sekiranya kamu tak dapat menyesuaikan diri dengan sikap mereka yang keterlaluan dalam kerjaya, boleh membuatkan hubungan itu tidak berjaya seperti yang sepatutnya! Sebaliknya kamu mungkin boleh menjadi pendorongnya di dalam kerjayanya itu.

## **Lelaki Takut Komitmen**

Bagaimana mengenali mereka:

Dia sememangnya seorang lelaki yang sangat pandai bergaya dan sentiasa berpakaian kemas. Tiap apa yang dipakainya cukup sesuai dengan majlis dan suasana. Pendek kata, mereka memang trendy dari segi pemakaian dan imej diri. Selain itu, telefonnya juga asyik berdering dan pemanggilnya sudah tentu terdiri dari-pada gadis-gadis. Mengalahkan VIP pulak tu!

Maknanya:

Sekiranya dia mempamerkan antara sikap begitu, dia dikatakan seorang yang tak boleh dipercayai sangat apa yang diucapkan pada kamu. Mungkin hari ini dia melafazkan kata suka padamu tapi beberapa minggu kemudian, dia seolah-olah tak mengenali kamu selama ini! Dalam erti kata yang sebenarnya, dia masih belum bersedia untuk menjalinkan komitmen dengan mana-mana gadis buat masa itu.

## **Lelaki Anti Perempuan**

Bagaimana mengenali mereka:

Perhatikan corak mereka berbelanja, memang boros. Mereka juga kadangkala gemar mengumpul sesuatu benda sebagai koleksi. Mereka juga tidak sukakan kanak-kanak dan tak begitu rapat dengan keluarga sendiri.

Maknanya:

Sebenarnya mereka ini bukanlah anti perempuan sangat tapi jenis lelaki yang lebih suka mempergunakan wanita untuk kepentingan mereka. Sebelum memiliki seseorang wanita, mereka sanggup melakukan apa cara sekalipun tapi bila dah dapat, semuanya tak kena! Tapi sikap ini akan berubah bila di satu ketika dia akan mendapati dirinya terpicat dengan seorang wanita tapi sudah pastinya perempuan itu seorang yang menurut kehendaknya!

## **Lelaki Playboy**

Bagaimana mengenali mereka:

Selalunya mereka ini seorang yang berpenampilan menarik dan up to date. Biar pun kadangkala mereka tu taklah begitu kacak sangat dari segi paras rupa, tapi penampilan mereka buat mereka cukup menawan. Kalau bercakap, memang romantis sekali. Kiranya pandai ayat lah ni! Mereka selalunya memiliki

kereta berjenama terkenal dan tinggal di kawasan mewah. Jarang sekali mereka bercakap tentang keluarga mereka.

Maknanya:

Mungkin mereka ini belum terfikir untuk kehidupan berkeluarga. Hanya mementingkan keseronokan hidup saja dan mustahil jika mereka inginkan sesuatu yang teramat berharga daripada perempuan! Mungkin kerana penampilan diri mereka yang menarik hati, membuatkan mereka sering menjadi perhatian. Jadi, berhati-hatilah! Ada yang berjaya mengikis sikap itu bila usia makin menginjak dewasa tapi usah terperanjat kerana ada yang masih kekal dengan perangai playboy itu biarpun usia dah veteran!

### **Lelaki Tradisi**

Bagaimana mengenali mereka:

Corak berpakaian mereka selalunya sederhana saja, taklah terlalu kuno atau up to date sangat. Tapi mereka agak suka memerintah orang lain menuruti kehendak mereka. Selain itu, dia sangat bijak mengatur soal kewangannya dan sukakan perempuan yang mampu membuatkan jiwanya tenang.

Maknanya:

Bermakna dia ini mampu menjadi suami yang baik nanti. Bagi dirinya, keluarga adalah segala-gala dalam hidupnya. Mereka impikan sebuah keluarga yang bahagia dan itu juga bermakna dia tak takutkan komitmen.

### **Lelaki Korporat**

Bagaimana mengenali mereka:

Selalunya mereka ini agak pendiam dan suka berfikir secara logik dan rasional. Bagi dirinya kerjaya adalah perkara yang paling penting dalam hidup. Dia juga pentingkan kesempurnaan termasuk dalam memilih pasangan hidup. Jika ditanya, mungkin mereka akan mengatakan bahawa mereka tak merancang untuk membina keluarga dalam masa yang terdekat itu.

Maknanya:

Ternyata mereka ini lebih pentingkan kerjaya dan kejayaan dalam hidup. Sebab itulah dia akan memilih wanita yang pandai berdikari sebagai pasangan. Biarpun romantik tapi kamu tetap akan jadi yang kedua dalam hidup selepas kerjaya.

## Lelaki Keparat

Bagaimana mengenali mereka :

Lelaki jenis ini suka bersikap ego dan mementingkan diri sendiri berbeza dengan lelaki korporat yang berfikiran rasional. Lelaki jenis ini selalu memerintah dan memeras ugut sesiapa saja dan boleh dilihat di kawasan parking kereta dan tempat di mana kutu rayau selalu berada.

Maknanya :

Lelaki jenis keparat ini tidak sesuai dijadikan suami kerana perangainya memang kekeparatan dan asyik meminta wang semasa orang ramai parking kereta atau motor. Lagi pun wang yang diperolehi digunakan untuk membeli najis dadah dan sebagainya. Mungkin anda juga boleh dijual atau dijadikan bola sepak.

## 5 TAFSIR MIMPI TAJUL MULUK

Di dalam kitab Tajul Muluk, terdapat pelbagai tafsir mimpi. Di sini diterangkan 5 tafsir mimpi menurut kitab Tajul Muluk.

Sekiranya anda bermimpi :

Di patuk atau di belit ular	anda akan memperolehi isteri/suami
Mengerjakan sembahyang	sempurna pekerjaan dunia dan akhirat
Memakan api	anda akan memperolehi seorang isteri yang papa tapi bijaksana.
Burung putih terbang di rumah atau dapat ditangkap	alamat beroleh pasangan hidup yang budiman lagi berharta
Membaca Al-Quran	anda akan panjang usia dan memperolehi apa yang dihajati.

## DOA APABILA BERMIMPI

Do'a Ketika Mimpi Baik

"Alhamdulillahil-ladzii qadlaa haajati" Artinya : "Segala puji bagi Allah yang telah memberi hajatku" (Apabila mendapat mimpi yang baik dan disuruh menceritakan) "Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam"

(Apabila mendengar cerita mimpi yang baik)

"Semoga baik apa yang engkau temui dan terpelihara dari keburukan engkau. Semoga baik untuk kita dan buruk untuk musuh-musuh kita. Segala pujian bagi Allah Tuhan seluruh alam."

(Apabila mendapat mimpi yang buruk dan ditegah menceritakan)  
Allaahumma innii a;uudzu bika min 'amalisy syaythaani, wa sayyi'aatil ahlaami  
"Ya Allah, aku mohon perlindungan kepada Engkau daripada perbuatan syaitan dan dari keburukan mimpi."

(Ketika terjaga kerana terkejut atau takut sesuatu di waktu tidur)  
"Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna dari kemurkaan-Nya dari kejahatan hamba-hamba-Nya dari bisikan syaitan yang mendekatiku."

## **Rahsia Mengenal Lelaki Menerusi Bentuk Anggota Tubuh**

Mengenal lelaki menerusi bentuk anggota tubuhnya, dimana ianya merupakan pengetahuan yang dipraktikan oleh orang-orang Melayu zaman dahulu dalam aspek pergaulan. Walau bagaimanapun, ini merupakan falsafah-falsafah umum. Banyak lagi aspek-aspek lain yang perlu di ketahui sebelum membuat rumusan mengenai personaliti seorang lelaki.

### **Kulit**

Warna kemerahan tanda pemarah, daya fikir lemah, tidak tetap dalam melakukan pekerjaan. Warna kehijauan kemerahan tanda bersungguh melakukan kerja hingga selesai. Warna hijau kehitaman tanda jahat kelakuannya. Warna kulit yang sangat putih tanda penyakit dan kekurangan darah. Selain dari itu melambangkan kelakuannya baik.

### **Rambut**

Jika rambut kasar dan keras, itu tanda berani dan otaknya sihat. Jika hitam dan hitam tanda berakal dan pertimbangannya sempurna.

### **Kepala**

Saiz yang besar tanda tetap pendirian dan berakal. Sederhana tanda berpengetahuan. Terlalu besar tidak sepadan dengan leher tanda tidak sihat otaknya. Kepala kecil tanda suka menurus nafsu kurang akal nya.

### **Dahi**

Dahi luas tanda bijak dan sempurna akal nya. Sederhana luasnya dan berketus tanda pengasih dan berani. Dahi yang kecil tanda kurang akal. Dahi yang banyak kerut antara kening tanda pemarah.

### **Mata**

Mata Yang jarang di kerdipkan tanda bijaksana. Mata besar tersembul tanda

tamak dan tidak di percayai, dan dia ingin memiliki harta orang lain. Mata yang merah tanda berani tetapi kurang akal. Mata yang seperti mata kanak-kanak serta bercahaya tanda di kasihi oleh manusia lain serta panjang umur. Mata yang kerap di kerdipkan tanda pemaaf. Mata kecil tanda kurang sempurna pertimbangan.

### **Hidung**

Hidung yang sederhana saiznya tanda berakal. Hidung yang rendah dan besar tanda suka mengikut hawa nafsu. Batang hidung yang nipis tanda suka berkelahi. Lubang hidung yang luas tanda dengki dan pemaaf. Hidung tebal ditengahnya tanda pendusta. Hidung bongkok tanda manusia yang paing jahat. Hidung mancung tanda bijak dan sempurna akalnya serta penyayang.

### **Bibir**

Bibir yang tebal tanda kurang berakal. Bibir yang nipis tanda suka menghasut. Bibir yang merah tanda sihat. Merah keputihan tanda berakal dan mudah faham. Bibir pucat tanda putus asa dan berpanyakit. Bibir hijau seperti lintah tanda banyak makan makanan yang haram.

### **Gigi**

Panjang dan besar tanda pendusta. Sederhana tanda sempurna kelakuannya. Sempurna rapat tanda jujur.

### **Dagu**

Dagu yang luas tanda takbur. Daggu yang tirus tanda kurang akal dan jahat. Daggu sederhana tanda sempurna kelakuannya.

### **Suara**

Nyaring tanda berani. Perlahan tanda pendusta dan bebal. Tidak tetap tanda bunyi bodoh. Suara yang merdu tanda jujur tapi kurang bijak.

### **Mulut**

Mulut yang kecil tanda bijaksana. Mulut yang luas tanda berani. Mulut yang sederhana tanda sempurna akalnya.

### **Telinga**

Telinga yang besar tanda berakal tetapi lekas marah. Telinga kecil tanda kurang akal. Cuping telinga yang melekat tanda kejam.

### **Bahu**

Bahu besar tanda kurang akal tapi tanda berani. Bahu yang singkat tanda sukakan pekerjaan yang jahat. Belikat bahu yang di tumbuhi bulu roma tanda kuat berjimak.

**Belakang**

Belakang yang lebar tanda keras hati, takbur dan pemaarah. Bongkok tanda gilih dan bijaksana. Belakang yang tebal tanda dia seorang yang bijaksana.

**Leher**

Leher sangat pendek tanda jahat dan pendusta. Panjang dan lurus tanda bebal dan berpenyakit . Leher besar tanda suka berolok-olok tetapi berani. Urat leher yang timbul tanda pemaarah.

**Dada**

Dada yang sederhana tanda berakal. Dada yang di tumbuhi bulu tanda kurang berakal dan suka melalkukan perkara jahat.

**Lidah**

Lidah yang panjang tanda fasih bertutur.

**Lengan**

Lengan yang panjang ke lutut tanda pemaarah, berani, berjaya dalam kerjanya tapi takbur dan suka meninggi diri. Lengan yang pendek tanda tidak sihat dan suka berbuat jahat.

**Tapak tangan**

Berjari panjang tanda berani dan berakal. Tapak tangan yang lembut tanda mudah memahami. Tapak tangan yang nipis tanda kurang akal.

**Jari**

Jari yang panjang dan lebar tanda kuat. Jari yang pendek tanda bebal. Jari yang sederhana tanda tidak sempurna akal tetapi budiman.

**Perut**

Perut yang besar tanda tidak malu dan berpenyakit. Perut yang sederhana tanda bijak dan sihat.

**Pinggang**

Pinggang yang lembut tanda berani. Pinggang yang tiada daging tanda keras hati dan takbur.

**Betis**

Betis yang sederhana tanda sihat.

**Kaki**

Kaki yang sederhana tanda sempurna akal. Kaki yang kecil tanda fasik. kaki yang besar tanda bodoh.

**Tumit**

Tumit yang besar tanda sihat . Tumit yang sederhana tanda suka berbuat kebajikan. Tumit yang kecil tanda kurang sihat.

### **Langkah**

Langkah yang panjang dan teratur tanda sempurna pekerjaanya. Langkah pendek dan kurang tetap tanda kurang berakal. "

## **Rahsia Perwatakan Melalui Bentuk Kuku**

Bentuk kuku kita memiliki makna yang berbeza. Bagaimanakah bentuk kuku kawan baik, pasangan atau diri anda? Kenalilah wataknya...

1) Kuku yang baik, rapi dan indah :

Menunjukkan watak orang yang halus perasaannya. Bentuk kuku seperti ini jarang dimiliki orang yang bertubuh besar dan kuat.

2) Bentuk kuku pendek tetapi lebar :

Biasanya orang yang memiliki kuku yang seperti ini memiliki sikap yang praktis dan cekap dalam ilmu, otaknya cerdas dan ingatannya tajam. orang yang memiliki kuku yang seperti ini sukakan muzik dan lagu.

3) Bentuk kuku yang agak panjang dan berwarna pucat :

Menunjukkan orang tersebut terlalu banyak rancangan dan cakap, tetapi tidak membuat sebarang kerja sehingga sering mengelamun melayani perasaan. Ia juga agak malas dan kalau ia melakukan sebarang kerja sering dalam keadaan ragu-ragu.

4) Bentuk kuku sedang dan warna merah sedikit :

Menunjukkan pemiliknya mempunyai motivasi yang baik dalam pekerjaan, selalu menjaga kebersihan dan memiliki rasa persaudaraan yang tinggi.

5) Bentuk kuku bersegi tetapi rata :

Biasanya orang ini memiliki sifat yang kurang pandai bergaul, sedikit kewibawaan, tidak mudah menjadi kaya dan kurang pengetahuan.

6) Bentuk kuku langsing :

Orang yang memiliki bentuk kuku ini biasanya halus budi pekertinya tetapi sering merasa was-was, mudah ditimpa kesialan dan kurang berwibawa.

7) Bentuk kuku panjang bulat berwarna kuning :

Bentuk kuku seperti ini menandakan pemiliknya orang yang jujur, sabar, pandai , tinggi darjatnya dan boleh hidup mulia dengan anak isterinya.

8) Bentuk kuku runcing kebawah atau seperti biji timun :

Menunjukkan orang yang memiliki kuku seperti ini sering was-was, bodoh, mudah diserang penyakit, mudah terkejut dan tak kuat bekerja.

9) Bentuk kuku runcing tetapi besar dan tebal :

Biasanya orang yang memiliki kuku yang seperti ini memiliki sifat keras dengan pendiriannya, sering berpindah pindah tempat tinggalnya, suka berjalan jauh dan suka berkahwin atau suka bertukar pasangan hidup.

10) Bentuk kuku bersegibahagian bawah sedikit runcing :

Menunjukkan orang yang memiliki kuku seperti ini tidak memiliki kewibawaan, bodoh dan kalau bekerja hanya diperingkat rendah sahaja.

11) Bentuk kuku besar dan banyak garisan :

Biasanya orang yang memiliki kuku yang seperti ini biasanya akan menjurus pada susah dan sering berdepan dengan bahaya. Tetapi garisan tersebut tidakselama-lamanya kelihatan di kuku. Kalau garis tersebut sudah hilang dan kelihatan bersih menandakan orang itu akan memperolehi berkat.

12) Bentuk kuku yang banyak seratnya (serabut) :

Menandakan jika orang tersebut sering ditimpa kesusahan jauh dari sanak keluarga boleh mati disebarang tempat.

13) Bentuk kuku seperti kikir :

Bila seseorang memiliki bentuk kuku seperti ini menandakan kemungkinan orang itu akan memperolehi halangan yang besar atau akan memperolehi bahaya.

14) Kuku yang banyak titik-titiknya dibahagian bawah kelihatan hitam :

Kedudukan kuku seperti ini memberi suatu petanda bahawa orang tersebut dalam situasi bahaya besar yang boleh juga membawa kematiannya.

## Rahsia Sebuah Ciuman

### **Bacaan ini hanya utk mereka yg sudah berumahtangga**

Satu ciuman sudah cukup untuk menyampaikan maksud sebenar yang tersirat di hati seorang lelaki terhadap pasangannya. Kadang-kadang lelaki sukar mengatur perkataan untuk ditutur kepada kekasihnya, jadi teknik ciuman di bawah amat berguna bagi menyuarkan isi hati anda...

Maksud tersirat di sebalik ciuman ini juga dapat digunakan untuk memahami isi hati pasangan anda. Wanita cukup pandai dalam berpura-pura. Setiap kata sukar diduga maksud sebenarnya. Jadi hanya ciuman dari mereka sahaja dapat menjadi kayu ukur sebenar perasaan pasangan terhadap anda. Namun jika anda tidak pernah menerima ciuman tersebut, walaupun di tangan, faham-faham sahajalah.

### **CIUMAN DAN MAKSUDNYA**

1. Cium tangan... Saya mengagumi anda
2. Cium pipi... Kita hanya kawan
3. Cium leher... Aku dambakan diri mu
4. Cium bibir... Aku cintakan kau
5. Cium telinga... Kau bakal mangsa aku seterusnya
6. Cium bahagian-bahagian lain... Aku tiada perasaan
7. Renungan tepat ke mata... Ciumlah daku
8. Bermain rambut... Aku tidak dapat hidup tanpa mu
9. Peluk pinggang... Aku terlalu menyayangimu, dan takkan kulepaskan walau sesaat

## RAHSIA DI SEBALIK CIUMAN LELAKI

### **Artikel ini hanya sesuai dibaca untuk mereka yang sudah berumahtangga sahaja**

Apakah tanda di sebalik ciuman suami atau pasangan anda? Tahukah anda di sebaliknya ada tersirat rahsia? Ya! Apakah rahsia di sebalik sebuah ciuman?

Kalau si lelaki atau pun wanita dilihat sedang mencium manja seorang kanak2 kecil yg comel, ia boleh dilihat sebagai tanda kasih dan minatnya terhadap si kecil itu. Ia suatu petanda sayang dan prihatinnya terhadap kanak2 itu. Tetapi apabila ada pasangan lelaki mencium atau mengucupi wanita, apakah tanda dan rahsia di sebaliknya?

Sesungguhnya kucupan atau ciuman seorang pasangan lelaki terhadap pasangan wanitanya itu terselit rahsia yg perlu anda ungkapi dan fahami persiratanya. Ia mempunyai makna-makna tertentu dan kita akan seronok apabila benar2 dapat menyingkapnya. Ia memudahkan anda utk memahami sikap si dia. Ciuman pada bahagian2 tertentu di tubuh wanita mempunyai rahsia yg berbeza lagi tersendiri.

### **Ciuman atau Kucupan pada Tangan**

Jika seorang lelaki mencium belakang tangan anda, itu tandanya si dia menyanjung dan menghormati anda. Lelaki atau sesiapa sahaja yg bersopan akan mengucup orang yg dihormati dan disanjungnya pada bahagian belakang tangan orang yg berkenaan. Ini biasanya dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya, seorang bawahan ke atas atasannya, seorang murid terhadap gurunya dan seterusnya....Jarang berlaku seorang lelaki mengucup tangan pasangan wanitanya, apatah lagi seorang suami kepada isterinya. Jika berlaku juga sedemikian, itu menandakan si lelaki berkenaan benar-benar menyanjung dan menghormati wanita tersebut sebagai seorang yg istimewa dalam hidupnya.

### **Ciuman di Dahi**

Selalu juga kita saksikan seorang lelaki mencium pasangan wanitanya di dahi. Apakah tandanya? Jika anda pernah dihadaikan sebuah kucupan di dahi ,itu tandanya si dia begitu kasih terhadap anda. Dan kasihnya begitu kudus. Anda dapat berasakan getaran kasihnya pada anda begitu syahdu.

### **Ciuman Sayang**

Jika pasangan anda mengucup anda di pipi, itu tandanya si dia sayang pada anda. Malah jika anda sedang marah dan dia tiba2 mencium pipi anda, itu maknanya dia tetap sayang pada anda walaupun apa yg terjadi. Malah ciuman sayang di pipi sering dihadaikan oleh sang suami kepada isteri dalam suasana gurau senda dan ceria. Begitu juga apabila suami baru pulang dari kerja atau berjalan jauh, satu ciuman di pipi menandakan dia sayangkan anda, rindukan anda dan cintanya pada anda terus bersemi.

### **Ciuman Cinta**

Saat anda sedang berdiri, tiba2 suami anda datang sambil memegang kedua pangkal lengan anda. Lalu anda dan dia saling berhadapan sehingga wajah anda bertembung dengan wajahnya.Lalu sebuah kucupan hinggap di bibir anda. Itu tandanya sebuah ciuman cinta sedang ditebarkan. Anda tetap dicintainya, bahkan kian hangat sehangat ciuman yang terhinggap.

### **Kucupan dari Belakang**

Pernahkan anda dikejutkan oleh suami anda dengan kucupan dari arah belakang? Contohnya sedang anda sibuk mencuci pinggan, tiba2 pasangan anda menerpa dari arah belakang dan mengucup tengkuk dan pipi anda. Ini menunjukkan betapa pasangan anda begitu geram terhadap anda. Dan anda

pun terasa terngiang bulu roma di saat itu. Namun anda patut berasa senang hati kerana tahu tahu betapa dia terngidamkan anda!

### **Kucupan Lutut**

Hah! Betapalah lelaki ini telah rebah ke kaki anda. Benar, jika anda terjumpa lelaki yg sanggup mencium lutut anda, biarpun masih beralaskan pakaian, itu tandanya sudah teruk benar minatnya terhadap anda. Dalam hal ini, mudah pula anda mengambil kesempatan kerana dia akan tunduk pada setiap kemahuan anda.

### **Ciuman Di hujung Kaki**

Ia amat jarang dilakukan oleh kebanyakan dari kita melainkan dalam sesetengah budaya dan adat resam India. Jika ada juga lelaki luar melakukannya , ia kira sudah luar biasa. Perlakuan ciuman di hujung kaki yang bukan kerana adat, itu petanda si lelaki berkenaan sudah terlalu merendah diri dan terlampau memuja anda. Anda boleh menganggap si dia boleh diperlakukan apa saja oleh anda. tapi, tengoklah juga. Lelaki pandai berlakon dan mungkin dia cuma melakonkan saja utk mendapat perhatian anda sedang hakikatnya tidak boleh diperlakukan seperti yg anda tafsirkan. Apa pun, kucupan sedemikian tidak seharusnya dilakukan